

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI TERENGGANU
SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI TERENGGANU SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
3	Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir
	JABATAN BEKALAN AIR TERENGGANU
23	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Terengganu
	MAJLIS DAERAH SETIU
	MAJLIS DAERAH MARANG
37	Pengurusan Perolehan
	TERENGGANU INCOPORATED SDN. BHD.
45	GPQ SDN. BHD.
63	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan, 2 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir

1.1. Banjir merupakan satu fenomena bencana alam yang selalu melanda Negeri Terengganu hampir setiap tahun dan banyak mendatangkan kerosakan kepada harta benda dan boleh mengancam nyawa penduduk. Ianya sering terjadi disebabkan ketidakupayaan sistem saluran sedia ada yang tidak mampu untuk menampung kadar aliran air larian permukaan dan isipadu air yang melebihi paras saluran keluar seperti parit dan sungai. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (JPS) bertanggungjawab untuk mengadakan infrastruktur dan perkhidmatan berkaitan pengairan pertanian, pencegahan banjir, pemuliharaan sungai dan perparitan. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah satu program fizikal yang diwujudkan oleh JPS bagi mengurangkan masalah banjir. Objektif RTB adalah untuk memperbaiki sistem sungai supaya kekerapan banjir dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh JPS. Bagi tempoh 2011 hingga 2015, jumlah peruntukan dan perbelanjaan RTB di Negeri Terengganu masing-masing adalah RM318.20 juta dan RM312.52 juta di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM243.72 juta manakala Kerajaan Persekutuan pula memperuntukkan RM74.50 juta bagi melaksanakan projek-projek RTB untuk mengelak/mengurangkan masalah banjir.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek RTB adalah baik di mana pelaksanaan projek RTB disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu sama ada mengikut jadual asal atau dalam tempoh EOT yang diluluskan. Begitu juga sistem ramalan banjir didapati berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan perlu diberikan perhatian serta diambil tindakan untuk penambahbaikan antaranya seperti berikut:

- Keberhasilan (*outcome*) projek adalah kurang memuaskan.
- Tadbir urus projek adalah kurang memuaskan di mana tambahan kerja yang dilakukan tidak mendapat kelulusan dan perancangan projek tidak dilaksanakan.
- Tiada penyenggaraan dijalankan secara berkala/berjadual bagi projek yang telah siap.

1.3. Bagi memastikan pengurusan projek RTB dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah disyorkan JPS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. JPS hendaklah diberi peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan RTB secara menyeluruh terutamanya bagi daerah yang kerap dilanda banjir serta kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan projek yang siap

dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.

1.3.2. JPS hendaklah menyediakan laporan pencapaian/*outcome* setiap projek RTB yang dilaksanakan bagi membantu Kerajaan Negeri memantau keberkesanan projek yang dilaksanakan.

2. JABATAN BEKALAN AIR TERENGGANU

- Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Terengganu

2.1. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab terhadap sumber air. Jabatan Bekalan Air (JBA) merupakan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap kawal selia air di Negeri Terengganu. JBA Negeri Terengganu tertakluk di bawah bidang kuasa yang dinyatakan dalam Enakmen Bekalan Air 1998, Negeri Terengganu.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kawal selia sumber air di Negeri Terengganu adalah kurang memuaskan kerana tidak ada satu jabatan/agensi khusus untuk menguruskan sumber air sebaliknya fungsi kawal selia air dilaksanakan oleh beberapa jabatan/agensi sedia ada seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.. Selain itu, terdapat beberapa penemuan audit yang perlu diambil tindakan dan penambahbaikan seperti berikut:

- Kawasan lembangan dan tadahan yang diwartakan dijalankan oleh jabatan/agensi lain dan bukan JBA dan terdapat beberapa kawasan tadahan air yang belum diwartakan.
- Prestasi pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan tidak memuaskan di mana pengambilan air mentah tidak dikenakan caj dan tidak ada tindakan terhadap pelanggaran syarat/enakmen.

2.3. Bagi mempertingkatkan pengurusan kawal selia sumber air, adalah disyorkan:

2.3.1. Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan tindakan penubuhan Badan Kawal Selia Air serta mengkaji dan menggubal semula Enakmen Bekalan Air bagi memastikan pengurusan sumber air negeri dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

2.3.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan koordinasi yang baik dari semua pihak yang terlibat dengan pengurusan kawal selia sumber air bagi menghasilkan pengurusan kawal selia sumber air Negeri yang mantap sebelum Badan Kawal Selia Air Negeri ditubuhkan.

2.3.3. JBA perlu menguatkuasakan Perenggan 37 Bahagian 5 kepada Enakmen Bekalan Air 1998 bagi mengenakan caj pengambilan air mentah bagi menambah pungutan hasil Kerajaan Negeri.

3. MAJLIS DAERAH SETIU MAJLIS DAERAH MARANG - Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Daerah Setiu (MDS) dan Majlis Daerah Marang (MDM) merupakan 2 daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Terengganu yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sebanyak 7 mukim yang meliputi kawasan seluas 1,304.36 kilometer persegi terletak di bawah kawasan pentadbiran MDS manakala MDM mentadbir sebanyak 6 mukim merangkumi keluasan 666.54 kilometer persegi. Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi masing-masing. Dalam melaksanakan aktivitinya, MDS dan MDM terlibat dengan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui kaedah perolehan yang berkuat kuasa sama ada secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Dalam membuat perolehan, MDS dan MDM adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan dikuatkuasakan di Majlis masing-masing. Pada tahun 2013 hingga 2015, MDS melaksanakan sebanyak 367 perolehan berjumlah RM38.55 juta manakala MDM telah melakukan sebanyak 392 perolehan berjumlah RM31.84 juta meliputi perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan. Kaedah perolehan dilaksanakan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2016 mendapati pengurusan perolehan di MDS dan MDM adalah baik di mana matlamat/objektif perolehan di MDS dan MDM telah tercapai iaitu bekalan dan perkhidmatan diterima telah digunakan serta kerja telah dilaksanakan. Selain itu, peraturan dan prosedur berkaitan perolehan telah dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan perolehan projek antaranya sebahagian peralatan tidak dibekalkan serta kemasan kerja agak kurang sempurna.

3.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Majlis Daerah Setiu dan Majlis Daerah Marang melakukan pemantauan dengan lebih kerap dan teliti semasa pelaksanaan sesuatu perolehan supaya kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang.

4. TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

- GPQ SDN. BHD.

4.1. GPQ Sdn. Bhd. (GPQ) dahulunya dikenali sebagai Gabongan Pemborong Quarry Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 14 Julai 1978 dengan modal dibenarkan RM10.0 juta dan modal dibayar RM4.59 juta. GPQ merupakan anak syarikat yang dimiliki oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) dengan pegangan saham biasa sebanyak 4,591,693 unit atau 97.8% ekuiti. TISB adalah merupakan anak syarikat milik penuh kepada *Menteri Besar Incorporated* (MBI). Aktiviti utama GPQ adalah sebagai kontraktor dalam bidang pembinaan dan operasi kuari. Kerja yang dilakukan termasuk pembinaan bangunan, perumahan, kerja-kerja infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan pemasangan paip air serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta pembinaan rumah, bangunan pejabat, kedai dan lebuh raya. GPQ juga menjalankan operasi kuari di atas sebidang tanah seluas 36.437 ekar sebagai asas kuari di Kampung Sungai Serai, Bukit Payong, Terengganu. Produk kuari ini digunakan untuk projek pembinaan yang dikendalikan oleh GPQ dan juga dijual kepada pihak luar.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan GPQ bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah baik kerana berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut antara RM1.77 juta hingga RM2.95 juta. Kedudukan keuntungan terkumpul GPQ sehingga akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM22.83 juta meningkat sejumlah RM1.92 juta berbanding keuntungan terkumpul pada tahun 2014 yang berjumlah RM20.91 juta. Manakala, pengurusan aktiviti GPQ adalah memuaskan di mana 4 daripada 7 projek pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pengeluaran bahan kuari mampu menampung permintaan berdasarkan purata pengeluaran dan penjualan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan tadbir urus GPQ seperti Strategi Dan Rancangan Korporat tidak disediakan, *Integrity Pact* tidak dilaksanakan dan pengurusan kewangan yang kurang memuaskan.

4.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan GPQ, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

4.3.1. GPQ hendaklah memperkasakan aktiviti pemasaran bagi mempromosikan produk kuari dan pengeluaran mengikut keupayaan kuari 52,000 metrik tan sebulan bagi meningkatkan penjualan kuari dan keuntungan.

4.3.2. GPQ hendaklah mengamalkan tadbir urus korporat yang selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia serta memastikan kawalan dalaman yang lebih berkesan dalam pengurusan kewangan.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PENGURUSAN PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Banjir merupakan satu fenomena bencana alam yang selalu melanda Negeri Terengganu hampir setiap tahun dan banyak mendatangkan kerosakan kepada harta benda dan boleh mengancam nyawa penduduk. Ianya sering terjadi disebabkan ketidakupayaan sistem saliran sedia ada yang tidak mampu untuk menampung kadar aliran air larian permukaan dan isipadu air yang melebihi paras saluran keluar seperti parit dan sungai. Pembangunan yang semakin pesat juga merupakan sebab utama berlakunya banjir. Ini kerana aliran permukaan menjadi semakin perlahan akibat perubahan guna tanah (dari permukaan telap air seperti hutan kepada permukaan tak telap air seperti konkrit dan simen), alur sungai dan longkang yang tersekat, berkurangnya keupayaan sungai melalui pemendapan kelodak dan kejadian hujan ribut perolakan yang lebat. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dalam menangani masalah bencana banjir seperti menubuhkan badan penyeliaan, pelaksanaan projek-projek tebatan banjir, pelaksanaan langkah bukan-struktur iaitu sistem ramalan dan amaran banjir bagi lembangan-lembangan sungai utama yang sering dilanda banjir.

1.1.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (JPS) adalah bertanggungjawab untuk mengadakan infrastruktur dan perkhidmatan berkaitan pengairan pertanian, pencegahan banjir, pemuliharaan sungai dan perparitan. Bahagian Pengurusan Banjir JPS adalah bahagian yang bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan permasalahan banjir iaitu melalui pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). RTB adalah satu program fizikal yang diwujudkan oleh JPS bagi mengurangkan masalah banjir. Struktur kerja RTB termasuklah membina kolam takungan, empangan, rumah pam, amfang jajar, benteng/ban, mendalam dan melebarkan sungai dan kerja-kerja infrastruktur. Pelaksanaan struktur tersebut dijangka dapat mencegah serta meminimumkan risiko bencana banjir. Objektif RTB adalah untuk memperbaiki sistem sungai supaya kekerapan banjir dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh JPS. Ia adalah untuk memastikan pengurangan jumlah bilangan penduduk atau kawasan yang terjejas akibat banjir, mengatasi dan mengurangkan masalah kerosakan akibat banjir, melindungi harta dan nyawa serta dapat mewujudkan persekitaran yang selesa untuk pembangunan ekonomi dan sosial.

1.1.3. Bagi tempoh 2011 hingga 2015, jumlah peruntukan dan perbelanjaan RTB di Negeri Terengganu masing-masing adalah RM318.20 juta dan RM312.52 juta di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM243.72 juta manakala Kerajaan Persekutuan pula memperuntukkan RM74.50 juta bagi melaksanakan projek-projek RTB untuk mengelak/mengurangkan masalah banjir seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan RTB Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Tahun	Peruntukan		Perbelanjaan		Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM juta)
	Negeri (RM Juta)	Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Persekutuan (RM Juta)		
2011	52.86	28.00	51.07	27.99	80.86	79.06
2012	67.35	23.27	67.04	23.26	90.62	90.30
2013	48.87	2.79	47.18	2.78	51.66	49.96
2014	33.36	2.14	32.87	2.14	35.50	35.01
2015	41.26	18.30	39.89	18.30	59.56	58.19
Jumlah	243.72	74.50	238.05	74.47	318.20	312.52

Sumber: JPS

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek tebatan banjir dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesan minimum kepada alam sekitar.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan projek tebatan banjir termasuk kerja pembinaan infrastruktur, empangan, benteng/ban, rumah pam, lencongan sungai, kolam takungan serta mendalam dan melebarkan sungai bagi tahun 2011 hingga 2015. Pengauditan dilakukan di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu termasuk di JPS Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman. Semakan dan analisis Audit dijalankan terhadap 18 sampel projek RTB yang terdiri daripada 10 projek yang telah siap dilaksanakan, 4 projek masih dalam pelaksanaan dan 4 projek yang tidak dilaksanakan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja, laporan, kajian kemungkinan dan dokumen berkaitan bagi projek tebatan banjir. Selain itu, sebanyak 30 soal selidik telah diedarkan di 3 daerah berkaitan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan projek RTB. Lawatan ke tapak projek turut dilakukan bagi mendapatkan kepastian terhadap perjalanan dan keberkesanan projek RTB yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat juga dilaksanakan bagi mendapatkan penjelasan. *Exit Conference* telah diadakan pada 31 Julai 2016, yang turut dihadiri oleh Pengarah JPS, Penolong Ketua Pengarah Infrastruktur (Unit Perancang Ekonomi Negeri), Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Integriti, Prestasi Dan Kaunseling Negeri serta pegawai dari JPS Daerah yang terlibat.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek RTB adalah baik di mana pelaksanaan projek RTB disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu sama ada mengikut jadual asal atau dalam tempoh EOT yang diluluskan. Begitu juga sistem ramalan banjir didapati berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dan perlu diberikan perhatian serta diambil tindakan untuk penambahbaikan antaranya seperti berikut:

- Keberhasilan (*outcome*) projek adalah kurang memuaskan.
- Tadbir urus projek adalah kurang memuaskan di mana tambahan kerja yang dilakukan tidak mendapat kelulusan dan perancangan projek tidak dilaksanakan.
- Tiada penyenggaraan dijalankan secara berkala/berjadual bagi projek yang telah siap.

1.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek RTB

1.4.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- JPS merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan projek RTB yang dibuat sama ada secara rundingan terus, tender, sebut harga dan inden. JPS melantik Jurutera Daerah sebagai wakil Pegawai Penguasa untuk memantau pelaksanaan projek dengan cara mengadakan mesyuarat tapak, lawatan tapak dan mengemukakan laporan kemajuan projek. Prestasi projek dapat dinilai melalui tempoh penyiapan projek, pematuhan kepada spesifikasi dan pencapaian kerja mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
- Di bawah RMKe-10, sebanyak 1,163 projek RTB telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 630 projek dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan 533 projek dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 1,157 daripada 1,163 projek berjaya disiapkan dalam tempoh RMKe-10 masing-masing 625 projek Negeri (99.2%) dan 532 projek Persekutuan (99.8%). Manakala baki sebanyak 6 projek masih dalam pelaksanaan. Prestasi pencapaian pelaksanaan projek RTB bagi tahun 2011 hingga 2015 seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Pencapaian Fizikal Projek RTB Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Tahun	Negeri			Persekutuan			Jumlah		
	Bil. Projek Di Bawah RMKe- 10	Bil. Siap	Bil. Projek Sedang Dilaksana	Bil. Projek Di Bawah RMKe- 10	Bil. Siap	Bil. Projek Sedang Dilaksana	Bil. Projek Di Bawah RMKe- 10	Bil. Siap	Bil. Projek Sedang Dilaksana
2011	105	105	-	87	87	-	192	192	-
2012	129	129	-	154	154	-	283	283	-
2013	106	106	-	35	35	-	141	141	-
2014	144	144	-	20	20	-	164	164	-
2015	146	141	5	237	236	1	383	377	6
Jumlah	630	625	5	533	532	1	1,163	1,157	6

Sumber: JPS

- Semakan Audit terhadap 10 projek RTB yang disiapkan mendapati, sebanyak 4 projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, 3 projek disiapkan dengan lanjutan masa diluluskan (EOT) dan 3 projek lagi telah dikenakan denda dan gantirugi ditetapkan (LAD). Analisis Audit mendapati, tempoh penyiapan sebenar yang diambil bagi projek tersebut antara 3 hingga 37 bulan berbanding tempoh penyiapan asal

iaitu 3 hingga 23 bulan. Manakala bilangan EOT yang diberikan kepada kontraktor adalah antara 1 hingga 2 yang melibatkan tempoh antara 3 hingga 8 bulan. Sementara itu, projek yang telah dikenakan LAD melibatkan bilangan hari antara 144 hingga 548 hari seperti di **Jadual 1.3**. Sementara itu, sebanyak 4 projek masih dalam pelaksanaan dengan kemajuan kerja setakat bulan Jun 2016 adalah antara 22% hingga 86% dan 4 projek belum dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.3
Status Projek RTB

Bil.	Projek	Kos Asal (RM Juta)	Kos Sebenar (RM Juta)	Tempoh Kontrak	EOT	Tarikh Siap Sebenar	LAD Dikenakan (RM Juta)
Projek Siap							
1.	Membina dan menyiapkan saliran 4G17, Paka serta kerja-kerja yang berkaitan bagi projek tebatan banjir, Dungun.	4.68	4.80	07.07.11 hingga 03.01.13	-	01.01.13	-
2.	RTB Chukai-menaiktaraf dan membaikpulih sungai Chukai dan Kerja-kerja Berkaitan.	23.03	23.17	18.08.11 hingga 17.02.13	-	17.02.13	-
3.	Membina dan menyiapkan kerja-kerja pembinaan longkang dan <i>boxculvet</i> di luar kawasan masjid Kubang Ikan, Kuala Terengganu.	2.90	2.90	16.01.14 hingga 15.05.14	-	15.05.14	-
4.	Projek pemulihan dan membenteng tebing kiri sungai Terengganu di Kampung Manir, Teluk Menara dan Beladau Kolam, Kuala Terengganu.	4.98	5.36	26.11.13 hingga 25.05.15	-	10.05.15	-
5.	RTB Taman Pusu Tiga, Kuala Terengganu.	5.65	5.60	30.12.09 hingga 30.12.10	31.12.10 hingga 30.03.11	30.03.11	-
6.	Sistem Saliran Bandar Baru Kijal Fasa 1, Kemaman.	21.00	22.06	11.11.10 hingga 11.02.12	12.02.12 hingga 28.07.12 28.07.12 hingga 27.10.12	25.10.12	-
7.	Membina dan menyiapkan benteng tebing sungai Kemaman, Bandar Chukai.	38.36	41.08	06.10.11 hingga 04.04.13	05.04.13 - 19.09.13	19.09.13	-
8.	Membina dan menyiapkan projek saliran Bukit Mentok, Chukai, Kemaman.	3.93	4.68	06.10.11 hingga 04.10.12	05.10.12 hingga 27.12.12	20.05.13	0.10
9.	Membina dan menyiapkan sistem saliran tebatan banjir serta kerja berkaitan di Taman Rakyat, Dungu.	8.39	8.69	06.10.11 hingga 29.11.12	30.11.12 hingga 16.05.13	16.11.14	0.79
10.	Sistem Saliran Mak Chili, Jalan Ibok, Kemaman.	3.39	2.26	01.06.11 hingga 28.11.12	-	10.07.13	0.11

Sumber: JPS

Jadual 1.4
Kemajuan Projek Dalam Pelaksanaan Dan Projek Belum Dilaksanakan

Bil.	Projek	Kos Asal (RM Juta)	Kos Sebenar (RM Juta)	Tempoh Kontrak	EOT	Kemajuan Kerja (%)
Projek Dalam Pelaksanaan						
1.	Projek RTB Sungai Besut Fasa 1, Terengganu-Sungai Nail.	12.99	13.36	08.12.14 hingga 06.06.16	07.06.16 hingga 04.09.16	75%
2.	Membina dan menyiapkan projek tebatan banjir baroh Tok Jiring/Batu Rakit bagi kawasan tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1).	87.00	87.00	15.03.15 hingga 11.03.18	-	22%
3.	Membina dan menaiktaraf sistem saliran dan perparitan di Jalan Tekukur, Kuala Terengganu.	8.49	8.49	15.04.15 hingga 12.10.16	-	86%
4.	Sistem saliran laluan Q6c-Q6a, Gong Pok Jin, Kuala Terengganu.	12.61	12.61	25.10.15 hingga 23.04.17	-	36%
Projek Belum Dilaksana						
1.	Sistem saliran Banggol Air Lilih.	-	-	-	-	Belum Mula
2.	Sistem saliran Padang Lebam.	-	-	-	-	Belum Mula
3.	Membina dan menyiapkan sistem saliran dan kolam takungan di Alor Limbat, Marang.	-	-	-	-	Belum Mula
4.	Sistem saliran Bandar Baru Kerteh.	-	-	-	-	Belum Mula

Sumber: JPS

- d. Semakan Audit mendapati antara punca berlakunya kelewatan dalam penyiapan projek ialah proses pengambilan balik tanah belum selesai, halangan dan masalah di tapak projek, keadaan cuaca, perubahan reka bentuk dan kelewatan penyambungan elektrik. Butiran lanjut punca kelewatan adalah seperti di **Jadual 1.5**. Sementara itu, 4 projek yang dirancang semenjak tahun 2010 masih belum dilaksanakan disebabkan tidak mendapat peruntukan dan proses pengambilan balik tanah belum selesai.

Jadual 1.5
Punca Kelewatan Penyiapan Projek

Bil.	Projek	Punca Kelewatan
1.	RTB Taman Pusu Tiga, Kuala Terengganu	i. Keadaan cuaca ditapak menyebabkan kerja-kerja menambun tanah ke aras yang dikehendaki tidak dapat dilaksanakan. ii. Kelewatan pembekalan elektrik ke rumah pencawang dan pemasangan enjin pam di rumah pam.
2.	Sistem saliran Bandar Baru Kijal 1, Kemaman	i. Kerja-kerja tambahan bagi pembinaan jambatan di 'Open Channel Type 2'. ii. Kerja-kerja tambahan 'lean concrete' dibawah 'concrete imprint' serta memasang 'road kerb' pada kedua-dua belah 'imprint' sepanjang 4200m. iii. Perubahan dari segi rekabentuk dan saiz 'Open Channel Type 1' iv. Kerja tambahan bagi keperluan landskap (close turfing). v. Keperluan utiliti dari agensi lain (kerja tambahan pembinaan 'scupper pipe' permintaan MPK). Arahan pindaan kerja no.2 pembinaan Arc-Bridge daripada 'pre-cast' di kilang kepada cast-insitu.
3.	Membina dan menyiapkan projek saliran Bukit Mentok, Chukai, Kemaman	i. Masalah tapak (hard rock) ii. Kerja-kerja tambahan
4.	Membina dan menyiapkan sistem saliran tebatan banjir serta kerja berkaitan di Taman Rakyat, Dungun	Penukaran barang/bahan yang setara untuk river bank toe protection & green Mattress Channel.
5.	Membina dan menyiapkan benteng tebing sungai Kemaman di Bandar Chukai, Kemaman	Kerja-kerja tambahan bagi mendalam kecetekan sungai kemaman sepanjang 2000 meter.

Sumber: JPS

1.4.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- a. Di bawah RMKe-10, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM243.72 juta dan Kerajaan Persekutuan pula memperuntukkan sejumlah RM74.50 juta bagi RTB. Sehingga akhir tahun 2015, sejumlah RM238.05 juta atau 97.6% telah dibelanjakan bagi peruntukan Kerajaan Negeri dan sejumlah RM74.47 juta atau 98.9% telah dibelanjakan bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Prestasi Perbelanjaan Projek RTB Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Tahun	Kerajaan Negeri			Kerajaan Persekutuan		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Belanja (%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Belanja (%)
2011	52.86	51.07	96.6	28.00	27.99	99.9
2012	67.35	67.04	99.5	23.27	23.26	99.9
2013	48.87	47.18	96.5	2.79	2.78	99.6
2014	33.36	32.87	98.5	2.14	2.14	100
2015	41.26	39.89	96.6	18.30	18.30	100
Jumlah	243.72	238.05	97.6	74.50	74.47	98.9

Sumber: JPS

- b. Semakan Audit terhadap 14 projek yang telah dilaksanakan mendapati 4 projek tidak berlaku perubahan harga dan 2 projek berlaku pengurangan harga disebabkan perubahan skop kerja. Bagaimanapun, sebanyak 8 projek mengalami peningkatan kos antara RM0.12 juta hingga RM2.72 juta (100.6% hingga 126.7%) disebabkan pertambahan skop kerja yang diluluskan oleh JPS. Butiran lanjut berkaitan 10 projek yang terlibat dengan pengurangan/peningkatan kos projek serta maklum balas JPS adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Pengurangan/Peningkatan Kos Projek Serta Maklum Balas

Bil.	Projek	Kos Asal (RM Juta)	Kos Sebenar (RM Juta)	Perubahan Kos (RM Juta)	Peratus Belanja (%)	Maklum Balas JPS
1.	RTB Taman Pusu Tiga, Kuala Terengganu	5.65	5.60	-0.05	99.1	-
2.	Sistem saliran Mak Chili, Jalan Ibok, Kemaman	3.39	2.26	-1.13	66.6	-
3.	Sistem saliran Bandar Baru Kijal Fasa 1, Kemaman	21.00	22.06	1.06	105.0	Pembinaan jambatan atas permohonan Kerajaan Negeri
4.	Membina dan menyiapkan projek saliran Bukit Mentok, Chukai, Kemaman	3.93	4.68	0.75	126.7	Tambahan penutup longkang dan guardrail atas dasar keselamatan
5.	Membina dan menyiapkan benteng tebing Sungai Kemaman, Bandar Chukai	38.36	41.08	2.72	107.1	Kerja mendalam sungai tiada dalam skop asal. Kerja-kerja tersebut perlu dilaksanakan.
6.	RTB Chukai-menaiktaraf dan membaikpulih sungai Chukai dan Kerja-kerja Berkaitan	23.03	23.17	0.14	100.6	Pelarasan kuantiti
7.	Membina dan menyiapkan sistem saliran tebatan banjir serta kerja berkaitan di Taman Rakyat, Dungun	8.39	8.69	0.30	103.6	Pertambahan culvert untuk laluan ke rumah penduduk
8.	Membina dan menyiapkan saliran 4G17, Paka serta kerja-kerja yang berkaitan bagi projek tebatan banjir, Dungun	4.68	4.80	0.12	102.5	Pengalihan utiliti
9.	Projek pemulihan dan membenteng tebing kiri sungai Terengganu di Kampung Manir, Teluk Menara dan Beladau Kolam, Kuala Terengganu	4.98	5.35	0.37	107.6	Pelarasan kuantiti pasir dan permohonan membina jeti
10.	Projek RTB Sungai Besut Fasa 1, Terengganu-Sungai Nail	12.99	13.36	0.37	102.8	Perubahan saiz retaining wall daripada 2m x 2m kepada 2m x 3m mengikut keperluan di tapak.
Jumlah		126.4	131.05	4.65	102.16	

Sumber: JPS

1.4.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, menghendaki penilaian *outcome* perlu disediakan bagi setiap projek yang dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pembangunan projek. Semakan Audit terhadap 10 sampel projek RTB yang telah siap mendapati hanya satu projek telah disediakan penilaian *outcome* oleh JPS iaitu RTB Chukai - Menaiktaraf Dan Membaikpulih Sungai Chukai Dan Kerja-kerja Berkaitan. Projek ini dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM23.17 juta dan telah disiapkan pada 17 Februari 2013. Bagaimanapun, sebanyak 9 projek lagi yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri tidak disediakan laporan penilaian *outcome*. **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, JPS sedang berusaha menyediakan laporan penilaian *outcome* setiap projek dilaksanakan seperti mana kehendak pekeliling.**
- b. Pihak Audit telah menjalankan analisis bagi menilai *outcome* terhadap 10 projek berkenaan berdasarkan Laporan Banjir Tahun 2013/2014 dan 2014/2015 yang disediakan oleh JPS dan hasil maklum balas soal selidik yang diedarkan kepada penduduk setempat. Hasil penilaian Audit mendapati 6 projek RTB telah mencapai objektif projek iaitu antaranya mengurangkan kesan kepada kejadian banjir, menyediakan sistem saliran yang sempurna dan melancarkan perancangan dan pembangunan bandar baru. Lima projek tersebut adalah RTB Taman Pusu Tiga Kuala Terengganu, projek saliran di luar kawasan Masjid Kubang Ikan Kuala Terengganu, Sistem Saliran Bandar Baru Kijal Fasa I Kemaman, RTB Taman Rakyat Dungun, Sistem Saliran Paka Dungun dan Projek Pemulihan Dan Membenteng Tebing Kiri Sungai Di Kampung Manir, Teluk Menara dan Beladai Kolam Kuala Terengganu. Bagaimanapun, pelaksanaan 2 daripada 6 projek tersebut telah menyebabkan kawasan bersebelahan projek tersebut mengalami banjir yang lebih buruk sebelum pelaksanaan projek berkenaan seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Kesan Projek RTB Kepada Kawasan Bersebelahan Projek

Bil.	Projek	Kesan Daripada Pelaksanaan Projek RTB	Maklum Balas JPS
1.	RTB Taman Pusu Tiga, Kuala Terengganu.	Keadaan banjir yang berlaku di kawasan bersebelahan projek RTB  Sumber: JPS Lokasi: Taman Sri Embun, Kuala Terengganu Tarikh: 11 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, banjir di Taman Sri Embun bukan disebabkan oleh pelaksanaan projek Pusu Tiga. Reka bentuk dan peruntukan hanya meliputi kawasan Pusu Tiga sahaja. Masalah banjir di Taman Seri Embun akan selesai selepas pembinaan projek tebatan banjir Baroh Tok Jiring.

Bil.	Projek	Kesan Daripada Pelaksanaan Projek RTB	Maklum Balas JPS
2.	Membina dan menyiapkan sistem saliran tebatan banjir serta kerja berkaitan di Taman Rakyat, Dungun	Hasil soal selidik Audit mendapati banjir semakin meningkat di kawasan bersebelahan selepas projek RTB Taman Rakyat dilaksanakan.  Sumber: JPS Lokasi: Kg. Che Lijah, Dungun Tarikh: 25 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, reka bentuk dan peruntukan hanya meliputi kawasan Taman Rakyat Dungun sahaja. Banjir berlaku pada tahun 2014 adalah disebabkan penjana elektrik belum berfungsi sepenuhnya.

Sumber: JPS

- c. Sementara itu, 4 daripada 10 projek RTB tidak mencapai objektif projek iaitu bagi mencegah dan mengurangkan kesan banjir kepada penduduk setempat. Kawasan pelaksanaan projek masih mengalami banjir pada kejadian banjir yang melanda Negeri Terengganu pada setiap tahun terutama pada tahun 2014. Empat projek yang tidak mencapai objektif projek adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Projek RTB Yang Tidak Mencapai Objektif

Bil.	Projek	Pencapaian Pelaksanaan Projek	Maklum Balas JPS
1.	Sistem saliran Mak Chili, Jalan Ibok, Kemaman	Banjir berlaku pada bulan Disember 2014.  Sumber: JPS Lokasi: Kg. Mak Chili, Kemaman Tarikh: 25 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, banjir disebabkan oleh kejadian limpahan air sungai Kemaman. JPS telah diluluskan sejumlah RM300 juta dalam RMKe-11 di bawah projek Lembangan Sungai Bersepadu Sg. Kemaman bagi mengatasi masalah limpahan air Sg. Kemaman.
2.	Membina dan menyiapkan projek saliran Bukit Mentok, Chukai, Kemaman	Banjir berlaku pada bulan Disember 2014.  Sumber: JPS Lokasi: Bukit Mentok, Kemaman Tarikh: 25 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, banjir disebabkan oleh kejadian limpahan air Sungai Kemaman. JPS telah diluluskan sejumlah RM300 juta dalam RMKe-11 di bawah projek Lembangan Sungai Bersepadu Sg. Kemaman bagi mengatasi masalah limpahan air Sg. Kemaman.

Bil.	Projek	Pencapaian Pelaksanaan Projek	Maklum Balas JPS
3.	Benteng tebing Sungai Kemaman, Bandar Chukai	Banjir berlaku pada bulan Disember 2014.  Sumber: JPS Lokasi: Bandar Cukai, Kemaman Tarikh: 25 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, banjir disebabkan oleh kejadian limpahan air sungai Kemaman. JPS telah diluluskan sejumlah RM300 juta dalam RMKe-11 di bawah projek Lembangan Sungai Bersepadu Sg. Kemaman bagi mengatasi masalah limpahan air Sg. Kemaman.
4.	RTB Chukai- menaiktaraf dan membaiki pulih Sungai Chukai dan kerja-kerja berkaitan	Banjir berlaku pada bulan Disember 2014.  Sumber: JPS Lokasi: Bandar Cukai, Kemaman Tarikh: 25 Disember 2014	Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, banjir disebabkan oleh kejadian limpahan air sungai Kemaman. JPS telah diluluskan sejumlah RM300 juta dalam RMKe-11 di bawah projek Lembangan Sungai Bersepadu Sg. Kemaman bagi mengatasi masalah limpahan air Sg. Kemaman.

Sumber: JPS

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal dan perbelanjaan projek RTB adalah baik di mana sebanyak 1,157 daripada 1,163 projek di bawah RMKe-10 berjaya dilaksanakan dan prestasi perbelanjaan mencapai 97.7% bagi peruntukan Kerajaan Negeri dan 99.9% bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala prestasi penyediaan laporan pencapaian (*outcome*) projek RTB adalah kurang memuaskan di mana 9 daripada 10 projek yang diaudit tidak disediakan laporan tersebut.

1.4.2. Tadbir Urus Projek

1.4.2.1. Pengukuran Semula Kuantiti Sementara Tidak Mendapat Kelulusan

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202.2, semua pegawai yang mengawasi projek hendaklah membuat penyiasatan dan penyemakan semula kuantiti semua kerja yang melibatkan pengukuran semula berdasarkan keadaan sebenar di tapak. Permohonan untuk kelulusan penambahan nilai pengukuran semula hendaklah dibuat kepada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai penguasa apabila mendapati jumlah nilai muktamad semua kuantiti sementara dijangka melebihi jumlah nilai asal. Sekiranya selepas jawatankuasa memberi kelulusan tetapi masih terdapat tambahan kepada kerja kuantiti sementara yang tidak dapat dielakkan maka kelulusan daripada jawatankuasa berkenaan hendaklah diperolehi.

- b. Semakan Audit mendapati bagi Projek Pemulihan Dan Membenteng Tebing Kiri Sungai Terengganu Di Kampung Manir, Teluk Menara Dan Beladau Kolam, Kuala Terengganu bernilai RM4.98 juta, sebanyak 2 Arahan Perubahan Kerja (APK), 2 Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan 1 Perubahan Harga Kontrak (PHK) telah dikeluarkan seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Arahan Perubahan Kerja Bagi Projek Pemulihan Dan Membenteng Tebing Kiri Sungai Terengganu Di Kampung Manir, Teluk Menara Dan Beladau Kolam

APK	Tambahan/Pengurangan Kerja	Jumlah (RM)	Kelulusan	Catatan
APK	Pembinaan 2 buah jeti konkrit mengganti jeti kayu sedia ada yang diroboh akibat pembinaan benteng	281,815	Diluluskan	PHK 1
APK	Membina 17 biji <i>outlet structure</i>	42,552	Diluluskan	PHK 2
KKS	Pertambahan kuantiti pasir, batu dan <i>Geotextile</i>	346,666	Diluluskan	PHK 3
PHK	Potongan <i>item provisional sum</i>	-300,000	Diluluskan	PHK 4
KKS	Tambahan kuantiti pasir untuk melebarkan dari tebing hingga ke tengah sungai mengikut <i>as built plan</i>	466,270	Tidak Diluluskan	-

Sumber: JPS

- c. Berdasarkan Jadual 1.10 di atas, 2 APK, 1 KKS dan 1 PHK telah mendapat kelulusan daripada JPS, manakala 1 KKS yang melibatkan tambahan kuantiti pasir untuk melebar tebing sungai hingga ke tengah sungai mengikut *as built plan* berjumlah RM466,270 tidak mendapat kelulusan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tambahan kerja tersebut telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa bagaimanapun tiada bukti yang menyokong kepada kelulusan tersebut. Oleh kerana KKS tersebut dipohon selepas CPC dikeluarkan, maka JPS tidak bersetuju untuk membuat bayaran terhadap tuntutan tersebut yang berjumlah RM466,270. Kerja-kerja tambahan bagi projek tersebut adalah seperti di **Gambar 1.1**.



Gambar 1.1
Kerja Tambahan Bagi Projek Pemulihan Dan Membenteng Tebing Kiri Sungai Terengganu Di Kampung Manir, Teluk Menara Dan Beladau Kolam, Kuala Terengganu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Manir,
Kuala Terengganu
Tarikh: 18 Mei 2016

- d. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, rayuan kontraktor terhadap pelarasan kuantiti kerja telah diangkat ke Jawatankuasa Tuntutan. Laporan tuntutan telah dipanjangkan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk dibentangkan pada Jawatankuasa peringkat negeri untuk kelulusan.

1.4.2.2. Perancangan Projek Belum Dilaksanakan

Bagi tempoh RMKe-10, pihak JPS telah membuat perancangan untuk melaksanakan sebanyak 1,534 projek RTB dengan anggaran kos berjumlah RM1 billion. Sehingga akhir tahun 2015, sejumlah RM318.20 juta peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM312.52 juta dibelanjakan untuk melaksanakan sebanyak 1,163 projek. Sementara itu, sebanyak 371 projek belum dilaksanakan dan peruntukan bagi membiayai projek tersebut akan dipohon pada tahun akan datang. Semakan Audit terhadap dokumen bagi 4 daripada 371 projek yang belum dilaksanakan mendapati projek ini telah dipohon peruntukan semenjak tahun 2010 dengan anggaran kos berjumlah RM66.0 juta. Sebanyak 2 daripada projek tersebut iaitu Sistem Saliran Padang Lebam, Marang dan Sistem Saliran Bandar Baru Kerteh, Kemaman telah dilantik juru perunding bagi kerja reka bentuk serta penyediaan pelan melibatkan kos sejumlah RM1.29 juta. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPS, dimaklumkan kawasan ini sering berlaku banjir. Maklumat projek, gambar dan maklum balas adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Projek Yang Belum Dilaksanakan

Bil	Projek	Kesan Daripada Tidak Laksana Projek	Temubual/Maklum balas
1.	Sistem Saliran Padang Lebam, Marang RTB Alur Padang Lebam merupakan projek yang telah dirancang oleh JPS pada tahun 2010 yang mana ia melibatkan Pekan Bukit Payong dan sebahagian Mukim Alur Limbat iaitu kawasan Padang Lebam/Tasik yang terletak di Daerah Marang. Dengan pelaksanaan projek ini akan membantu memperbaiki sistem saliran sedia ada dengan tujuan dapat mengurangkan kesan banjir dan penakungan air. Anggaran kos projek ini adalah sejumlah RM20.0 juta termasuk kos pengambilan balik tanah. Perlantikan juruperunding telah dibuat yang melibatkan kos sejumlah RM0.29 juta.	 Sumber: JPS Lokasi: Bukit Payong, Marang Tarikh: 25 Disember 2014	- Projek ini masih tertangguh pelaksanaannya kerana proses pengambilan balik tanah belum selesai Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, - Peruntukan telah dipohon setiap tahun - Pelan permohonan pengambilan balik tanah telah dihantar kepada Pejabat Tanah Kuala Terengganu dan Marang. - Melibatkan pindaan pelan

Bil	Projek	Kesan Daripada Tidak Laksana Projek	Temubual/Maklum balas
2.	Sistem Saliran Banggol Air Lileh, Kuala Terengganu Sistem saliran ini melibatkan kawasan Kampung Batu Enam, Banggol Pak Damak, dan sebahagian Kampung Wakaf Tembesu, Kampung Banggol Air Lileh, Kampung Tiang Kulat serta Kampung Pak Katak. Tujuan projek ini adalah untuk membina sistem saliran yang baru dan menaiktaraf sistem saliran yang sedia ada agar dapat meringankan kesan banjir. Anggaran kos projek adalah sejumlah RM25.0 juta termasuk kos pengambilan balik tanah. JPS telah merancang projek ini pada tahun 2010, namun sehingga kini projek masih belum dapat dilaksanakan.	 Sumber: JPS Lokasi: Kg Banggol Air Lileh, Kuala Terengganu Tarikh: 25 Disember 2014	- Projek ini masih tertangguh pelaksanaannya kerana proses pengambilan balik tanah belum selesai. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, - Peruntukan telah dipohon setiap tahun - Pelan permohonan pengambilan balik tanah telah dihantar kepada Pejabat Tanah Kuala Terengganu dan Marang. - Melibatkan pindaan pelan
3.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Dan Kolam Takungan Di Alor Limbat, Marang JPS telah merancang projek ini pada tahun 2010, namun sehingga kini projek masih belum dapat dilaksanakan. Anggaran kos projek RM1.0 juta.	 Sumber: JPS Lokasi: Alor Limbat, Marang Tarikh: 25 Disember 2014	Peruntukan belum diluluskan untuk melaksanakan projek ini.
4.	Sistem Saliran Bandar Baru Kerteh, Kemaman Sistem Bandar Baru Kerteh, Kemaman telah dirancang sejak tahun 2010 dengan anggaran kos projek sejumlah RM20.0 juta, namun begitu sehingga kini projek tersebut masih belum dapat dilaksanakan. Pelantikan perunding bagi kerja-kerja reka bentuk serta penyediaan pelan telah dibuat pada 11 November 2010 dengan melibatkan kos sejumlah RM1.0 juta.	 Sumber: JPS Lokasi: Balai Polis Kerteh, Kemaman Tarikh: 25 Disember 2014	Pada 18 Januari 2016, Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan supaya pelaksanaan projek ditangguhkan buat sementara waktu.

Sumber: JPS

1.4.2.3. Prestasi Projek Dalam Pelaksanaan

Sehingga akhir tahun 2015, sebanyak 6 daripada 1,163 projek masih dalam pembinaan dengan kos berjumlah RM133.74 juta dengan kemajuan kerja antara 22% hingga 86%. Semakan Audit terhadap 4 daripada projek tersebut mendapati 2 daripadanya berjalan mengikut jadual manakala 2 projek lagi menghadapi beberapa masalah seperti di **Jadual 1.12** dan perenggan di bawah.

Jadual 1.12
Projek RTB Yang Dalam Pembinaan/Pelaksanaan

Bil.	Projek	Kos Asal (RM juta)	Kos Sebenar (RM juta)	Tempoh Kontrak	EOT	Pelaksanaan Projek (%)	
						Sebenar	Jadual
1.	Projek RTB Sungai Besut Fasa 1, Terengganu – Sungai Nail, Besut	12.99	13.36	08.12.14 hingga 06.06.16	06.06.16 hingga 04.09.16	75	80
2.	Membina dan menyiapkan projek tebatan banjir Baroh Tok Jiring/Batu Rakit Bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1)	87.00	-	15.03.15 hingga 11.03.18	-	22	31
3.	Membina dan menaiktaraf sistem saliran dan perparitan Di Jalan Tekukur, Kuala Terengganu	8.50	-	15.04.15 hingga 12.10.16	-	86	86
4.	Sistem saliran Laluan Q6c-Q6a, Gong Pok Jin, Kuala Terengganu	12.61	-	25.10.15 hingga 23.04.17	-	36	28

Sumber:JPS

a. Sistem Saliran Laluan Q6c - Q6a, Gong Pok Jin, Kuala Terengganu

Tujuan projek ini adalah untuk membina sistem saliran yang baru dan menaiktaraf sistem saliran yang sedia ada supaya dapat mengurangkan kejadian banjir dan penakungan air yang melibatkan kawasan penempatan seperti Kampung Padang Nenas, Taman Desa Padang Nenas, Taman Mutiara, Gong Pok Jin, Gong Badak, Kampung Kubang Badak, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pihak Audit dimaklumkan oleh JPS bahawa rancangan asal sistem saliran adalah bermula dari perkampungan Padang Nenas sehingga ke laut melalui kawasan UniSZA dan UMT. Bagaimanapun, pihak UMT tidak mengizinkan sistem saliran melalui kawasannya kerana bercadang untuk melaksanakan sistem saliran sendiri dan telah menyarankan agar JPS membuat kajian semula terhadap pelan asal. Sehubungan itu, JPS telah membuat perubahan pelan di mana sistem saliran bermula dari perumahan Kampung Padang Nanas dan berakhir di kolam takungan UniSZA melibatkan jarak sepanjang 1.8 km seperti di **Rajah 1.1** dan **Gambar 1.2**. Projek ini melibatkan kos sejumlah RM12.60 juta dan tempoh kontrak ialah selama 78 minggu bermula 25 Oktober 2015 hingga 23 April 2017. Status kemajuan kerja projek setakat bulan Julai 2016 adalah lewat daripada jadual iaitu 28% berbanding 36%.

Rajah 1.1
Pelan Kawasan Projek



Sumber: JPS

Gambar 1.2
Projek Saliran Laluan Q6C – Q6A Dalam Pelaksanaan



Sumber: Aplikasi *Google Earth*

Lokasi: Gong Pok Jin, Kuala Terengganu

Tarikh: 6 April 2016

b. Membina Dan Menyiapkan Projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring/Batu Rakit Bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1)

Kajian pelan induk projek ini telah dijalankan pada tahun 2011 oleh perunding yang dilantik JPS dan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Pelan induk telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengarahkan JPS melaksanakan kerja kecemasan melibatkan kerja melebar dan mendalamkan parit utama Baroh Tok Jiring, Kuala Terengganu dan telah siap pada tahun 2013 yang melibatkan kos sejumlah RM0.75 juta. Bagaimanapun, projek tersebut tidak dapat mengatasi masalah kerana masih berlaku banjir. Kesan daripada itu, JPS memohon peruntukan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek RTB Baroh Tok Jiring/Batu Rakit bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1) dengan kos projek sejumlah RM87.0 juta dan tempoh siap projek selama 3 tahun bermula 15 Mac 2015 hingga 11 Mac 2018. Semakan Audit mendapati kawasan projek yang sedang dijalankan mengalami masalah pengambilan balik tanah melibatkan sebanyak 237 lot dengan keluasan keseluruhan 16.55 hektar. Status proses pengambilan balik tanah sehingga bulan Julai 2016 masih di peringkat Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri. Manakala status kemajuan kerja projek setakat bulan Julai 2016 adalah lewat daripada jadual iaitu 22.2% berbanding 31.0%. Pelan kawasan projek adalah seperti di **Rajah 1.2** dan **Gambar 1.3**.

Rajah 1.2
Pelan Kawasan Projek



Sumber: JPS

Gambar 1.3
Projek Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring/Batu Rakit Bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring (Fasa 1)



Sumber: Aplikasi *Google Earth*

Lokasi: Baroh Tok Jiring/Batu Rakit, Kuala Terengganu

Tarikh: 14 Januari 2016

- c. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 31 Julai 2016, kolam takungan air di UniSZA mungkin tidak dapat menampung air yang banyak sekiranya berlaku kejadian hujan lebat. Manakala bagi projek RTB Baroh Tok Jiring, pelaksanaan projek diteruskan/dijalankan di kawasan yang tidak melibatkan pengambilan balik tanah.

Pada pendapat Audit, keseluruhannya tadbir urus projek adalah memuaskan. Walau bagaimanapun perancangan adalah kurang memuaskan dari sudut pemilihan projek kerana tidak mengikut kepentingan/projek.

1.4.3. Sistem Ramalan Dan Amaran Banjir

Sistem ramalan dan amaran banjir ialah bertujuan untuk menyampaikan maklumat banjir dan amaran awal tentang kemungkinan berlaku banjir di sesuatu lembah sungai. Bagi tujuan memantau secara semasa aras air sungai dan curahan hujan, sistem telemetri digunakan di mana maklumat aras air sungai dan hujan akan diterima oleh Bilik Gerakan di peringkat negeri dan disalurkan ke daerah dan pusat gerakan banjir. Data taburan hujan adalah penting dalam penentuan ramalan banjir. JPS menyediakan sistem amaran dan pengesanan banjir yang merangkumi 69 buah stesen telemetri, 82 buah stesen curahan hujan, 23 buah stesen amaran banjir bersiren, 42 buah stesen aras air dan 6 sukat luah sungai serta 6 *Web Cam*. Pihak Audit dimaklumkan bahawa, peruntukan telah diperoleh bagi penambahan dan penggantian stesen telemetri, siren dan rangkaian komunikasi serta kerja-kerja berkaitan di Lembangan Sungai Terengganu yang melibatkan kos sejumlah RM29.30 juta.

1.4.3.1. Sistem Telemetry

JPS menggunakan sistem telemetry dalam pengumpulan data curahan hujan. Sistem ini dapat membekalkan data secara tepat kepada JPS dan boleh diakses secara atas talian. Sehingga akhir tahun 2015, JPS telah memasang sebanyak 69 buah stesen telemetry di seluruh Negeri Terengganu di mana 26 stesen berfungsi pengumpulan data curahan hujan, 19 buah stesen berfungsi menyukat aras air hujan dan 24 stesen berfungsi pengumpulan data curahan hujan dan menyukat aras air hujan. Contoh stesen telemetry dan stesen aras air seperti di **Gambar 1.4** dan **Gambar 1.5**.

Gambar 1.4
Stesen Aras Air Dan Hujan
Menggunakan Sistem Telemetry



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Kemunting, Kuala Terengganu
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 1.5
Stesen Aras Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muzium, Kuala Terengganu
Tarikh: 18 Mei 2016

1.4.3.2. Stesen Amaran Banjir

Kawasan yang sering dilanda banjir memerlukan amaran awal untuk penduduk setempat bertindak bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Sehubungan itu, JPS telah membina 23 buah stesen amaran banjir bersiren di seluruh Negeri Terengganu. Apabila paras air mencapai paras berjaga-jaga, siren akan berbunyi sebagai tanda amaran dan siren kali kedua akan berbunyi supaya penduduk berpindah. Siren ini boleh didengari sejauh 1 kilometer. Lawatan Audit mendapati 2 buah stesen amaran banjir tidak berfungsi iaitu yang terletak di Taman Seri Embun, Kuala Terengganu dan Kampung Paya, Dungun seperti di **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.7**. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, stesen amaran banjir yang sedia ada tidak mencukupi berbanding dengan keluasan daerah dan kepadatan penduduk. Pihak JPS memaklumkan akan menambah baik dan membina stesen amaran banjir bersiren yang baru sebanyak 6 stesen yang akan dilaksanakan secara tender. Kontrak bermula pada 19 April 2016 hingga 18 Oktober 2017.

Gambar 1.6
Stesen Siren Yang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Seri Embun, Kuala Terengganu
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 1.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Paya, Dungun
Tarikh: 20 April 2016

1.4.3.3. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 30 Ogos 2016, sebanyak 21 daripada 23 buah sistem siren amaran banjir di seluruh Negeri Terengganu berfungsi dengan baik manakala 2 buah sistem siren yang rosak telah dilupuskan. Pihak jabatan sentiasa menjalankan penyelenggaraan secara berkala terhadap sistem siren tersebut.

Pada pendapat Audit, sistem ramalan dan amaran banjir JPS adalah baik kerana hanya 2 stesen siren yang rosak di Negeri Terengganu dan ia telah diambil tindakan.

1.4.4. Penyelenggaraan Projek

1.4.4.1. Bagi projek RTB yang telah siap, penyelenggaraan perlu dibuat secara berjadual bagi memastikan saliran sentiasa berada dalam keadaan sempurna. Dengan ini, larian air permukaan dapat disalurkan ke laut atau sungai dengan lancar tanpa halangan. Skop kerja penyelenggaraan meliputi kerja memotong rumput dan pokok di rizab saliran, membersihkan sampah sarap dan membuang mendapan kelodak atau tanah serta membaik pulih kerosakan kecil pada sistem saliran, rumah pam dan landskap. Bagi tempoh 2011 hingga 2015, peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penyelenggaraan sejumlah RM26.70 juta termasuk lain-lain penyelenggaraan seperti penyelenggaraan kenderaan, peralatan komputer dan sebagainya.

1.4.4.2. Hasil lawatan Audit mendapati kerja-kerja penyelenggaraan projek RTB tidak dilakukan secara berkala. JPS juga tiada menyediakan jadual penyelenggaraan secara berkala bagi sistem saliran dan ianya dilaksanakan mengikut keperluan dan peruntukan yang diluluskan. Kerja memotong rumput, membersihkan sampah sarap dan mendapan kelodak tidak dilakukan menyebabkan pengaliran air terganggu/tersekat seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.9**.

Gambar 1.8
Saliran/Parit Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Kemunting, K. Terengganu
Tarikh: 18 Mei 2016

Gambar 1.9
Tadahan Air Yang Tidak Di Senggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Taman Rakyat, Dungun
Tarikh: 19 April 2016


1.4.4.3. Berdasarkan maklum balas daripada JPS bertarikh 30 Ogos 2016, menyatakan penyenggaraan terhadap projek RTB dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diterima manakala UPEN memaklumkan bahawa pihaknya akan membuat semakan semula berdasarkan keperluan jabatan dan peruntukan yang ada.

Pada Pendapat Audit, penyenggaraan selepas projek disiapkan kurang memuaskan kerana ia tidak dijalankan secara berkala/berjadual.

1.4.5. Analisis Soal Selidik Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Projek

1.4.5.1. Sebanyak 30 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam yang tinggal sekitar projek RTB yang dilaksanakan oleh JPS di 3 daerah iaitu Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman. Hasil analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik adalah seperti di **Carta 1.1**.

Carta 1.1
Maklum Balas Soal Selidik Keberkesanan Pelaksanaan Projek RTB



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.5.2. Seramai 25 atau 83% responden kawasan tersebut memberi maklum balas bahawa masih berlaku banjir, terpaksa berpindah dan mengalami kerugian semasa berlaku banjir walau pun pelaksanaan projek RTB telah dibuat sekitar kawasan mereka. Baki seramai 5 atau 17% responden memberi maklum balas positif bahawa kawasan mereka tidak berlaku banjir dan tidak perlu berpindah serta tidak mengalami kerugian.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek RTB dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah disyorkan JPS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut;

1.5.1. JPS hendaklah diberi peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan RTB secara menyeluruh terutamanya bagi daerah yang kerap dilanda banjir, kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan projek yang siap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.


1.5.2. JPS hendaklah menyediakan laporan pencapaian/*outcome* setiap projek RTB yang dilaksanakan bagi membantu Kerajaan Negeri memantau keberkesanan projek yang dilaksanakan.

JABATAN BEKALAN AIR TERENGGANU

2. PENGURUSAN KAWAL SELIA SUMBER AIR NEGERI TERENGGANU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab terhadap sumber air. Bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

2.1.2. Jabatan Bekalan Air (JBA) merupakan Jabatan yang bertanggungjawab terhadap kawal selia air di Negeri Terengganu. JBA Negeri Terengganu tertakluk di bawah bidang kuasa yang dinyatakan dalam Enakmen Bekalan Air 1998, Negeri Terengganu. JBA dalam proses mentransformasikan pengurusan air Negeri Terengganu dengan mengkaji Enakmen Bekalan Air 1998. Objektif JBA adalah untuk mengawal selia sumber air termasuk kawasan tadahan bagi memastikan sumber air terus mapan dari segi kuantiti dan kualiti. Pengurusan sumber air juga melibatkan pelbagai pihak seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pejabat Tanah dan Jabatan Perikanan. Justeru, beberapa perundangan lain yang ada hubung kait secara langsung dan tidak langsung dengan sumber air adalah seperti Akta Air 1920, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kanun Tanah Negara 1965, dan Akta Perhutanan Negara 1984.

2.1.3. Negeri Terengganu mempunyai 13 lembangan sungai utama, 3 buah empangan dan 12 buah loji rawatan air (LRA) yang membekalkan air bersih kepada pengguna. Senarai lembangan sungai utama, bilangan sungai dan empangan di Negeri Terengganu adalah seperti **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Senarai Lembangan, Sungai Dan Empangan Di Negeri Terengganu

Bil.	Lembangan Sungai Utama	Sungai (Bil.)	Empangan	Loji Rawatan Air (Bil.)
1.	Kemaman	48	-	2
2.	Chukai			
3.	Kerteh			
4.	Paka	88	-	3
5.	Dungun			
6.	Merchang	34	-	-
7.	Marang			
8.	Setiu	160	-	1
9.	Merang			
10.	Besut	264	Empangan Peda	1
11.	Kluang			
12.	Ibai	136	i. Empangan kenyir I ii. Empangan kenyir II	5
13.	Terengganu			
Jumlah		730		12

Sumber: JAS

2.1.4. Selaras dengan Dasar Sumber Air Negara bagi menjamin sumber air yang mencukupi bagi menampung permintaan pelbagai kategori pengguna dan alam sekitar, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negara Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 (disemak semula pada tahun 2009) bagi menentukan sumber air yang mencukupi sehingga tahun 2050. Kajian menunjukkan secara dasarnya dianggarkan berlaku peningkatan 63% permintaan air di sektor industri, domestik dan lain-lain dari tahun 2000 – 2050. Namun, kualiti air sungai yang merupakan sumber utama bekalan air adalah di tahap yang membimbangkan jika tiada tindakan yang positif dijalankan bagi mengawal pencemaran. Kajian juga menunjukkan impak yang besar akan berlaku dalam sektor sumber air negara selari dengan pertumbuhan pesat permintaan dalam bidang pertanian, industri dan domestik lebih-lebih lagi semasa kemarau panjang yang dikaitkan dengan El Nino, perubahan guna tanah dan perubahan iklim global.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kawal selia sumber air telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh JBA dalam menguruskan sumber air negeri khususnya untuk air minum bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Manakala data berkaitan kualiti air pula diambil kira bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai dari tahun 2006 hingga 2015. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, analisis data kualiti air dan dokumen lain berkaitan yang diperoleh daripada pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Jabatan Perhutanan Negeri (JPNT) dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU). Selain itu, lawatan ke lokasi dan temu bual dengan pegawai-pegawai yang berkaitan turut dilaksanakan bagi memahami dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai sesuatu perkara. Sampel Audit terdiri daripada 2 empangan dan 8 lembangan sungai. *Exit Conference* telah diadakan pada 20 Julai 2016 yang turut dihadiri oleh Pengarah JBA, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Pengarah JAS, Eksekutif Kanan SPAN Negeri, Timbalan Pengarah JPS dan turut dihadiri oleh pegawai/wakil daripada Jabatan Perikanan, Unit Pembangunan Sosial SUK, IADA KETARA, Jabatan Perhutanan Negeri, Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Unit Integriti, Prestasi Dan Kaunseling Negeri.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kawal selia sumber air di Negeri Terengganu adalah kurang memuaskan kerana tidak ada satu jabatan/agensi khusus untuk menguruskan sumber air sebaliknya fungsi kawal selia air dilaksanakan oleh beberapa jabatan/agensi sedia ada seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.. Selain itu, terdapat beberapa penemuan audit yang perlu diambil tindakan dan penambahbaikan seperti berikut:

- Kawasan lembangan dan tadahan yang diwartakan dijalankan oleh jabatan/agensi lain dan bukan JBA dan terdapat beberapa kawasan tadahan air yang belum diwartakan.
- Prestasi pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan tidak memuaskan di mana pengambilan air mentah tidak dikenakan caj dan tidak ada tindakan terhadap pelanggaran syarat/enakmen.

2.4.1. Kuantiti Air Mentah

2.4.1.1. Kajian bagi menentukan kecukupan kuantiti air mentah hendaklah dijalankan bagi memastikan bekalan air mentah mencukupi bagi memenuhi permintaan air pada masa hadapan. Semakan Audit mendapati JBA tidak pernah melaksanakan kajian tersebut di peringkat Negeri Terengganu. Bagaimanapun, SATU yang merupakan satu-satunya agensi yang membekal air bersih/terawat di Negeri Terengganu pernah

menjalankan kajian permintaan air bersih dan keperluan air mentah seluruh Negeri Terengganu. Selain itu, Kajian Sumber Air Negara (KSAN) telah dijalankan bagi menentukan ketersediaan sumber air mentah mencukupi atau sebaliknya di seluruh negara. KSAN menunjukkan sumber air di Negeri Terengganu pada masa kini adalah mencukupi dengan mengambil kira kewujudan baru Empangan Paya Peda di mana empangan tersebut dibina bagi tujuan pengairan dan bekalan air minum. Bagaimanapun jika berlaku musim kemarau dalam tempoh 50 tahun kelak, bekalan air di Negeri Terengganu adalah tidak mencukupi. Berdasarkan KSAN sejumlah 632 juta liter sehari (JLH) unjuran permintaan pada tahun 2010 dan meningkat kepada 1,319 JLH pada tahun 2050 seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Unjuran Permintaan Bekalan Air Di Negeri Terengganu

Unjuran	Kajian Sumber Air Negara (2000-2050) Semakan 2009				
	Tahun 2010 (JLH)	Tahun 2020 (JLH)	Tahun 2030 (JLH)	Tahun 2040 (JLH)	Tahun 2050 (JLH)
Permintaan	632	971	1,094	1,211	1,319

Sumber: Kajian Sumber Air Negara (KSAN)

2.4.1.2. Berdasarkan kajian permintaan air bersih dan keperluan air mentah yang dijalankan oleh pihak SATU menunjukkan permintaan air bersih bagi Negeri Terengganu bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah antara 600.29 juta hingga 638.46 juta liter sehari (JLH).

2.4.1.3. SATU mengambil air mentah untuk dirawat di 14 muka sauk dan diproses di 12 loji rawatan air. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan di SATU, purata pengambilan air mentah bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 adalah 617.94 JLH hingga 649.91 JLH seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Purata Pengambilan Air Mentah Di 12 Loji Rawatan Air Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Daerah	Loji Rawatan Air	Muka Sauk	Tahun					
			2011 (JLH)	2012 (JLH)	2013 (JLH)	2014 (JLH)	2015 (JLH)	April 2016 (JLH)
Kemaman	Bukit Sah	Sg. Pinang 1 & 2	158.97	155.93	167.64	166.44	166.44	54.98
	Cherul	Cherul	10.47	10.16	10.42	10.55	10.55	4.50
Dungun	Bukit Bauk	Durian Mentangau	29.47	31.35	38.12	32.94	32.94	10.75
	Serdang	Serdang	21.11	18.64	20.52	17.65	17.65	4.59
Ketengah	Tepus	Tepus	9.41	9.45	10.01	9.88	9.88	3.21
Kuala Terengganu/ Marang	Kepong I	Serada I	78.33	80.92	73.92	68.78	68.78	23.19
	Kepong II	Serada II	152.07	157.65	160.03	151.36	151.36	50.33
	Losong	Pulau Musang	33.07	35.61	38.15	35.59	35.59	13.06
Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	Kg. Pauh	39.95	41.24	42.06	38.99	38.99	15.66
	Jerangau	Jerangau Sungai	7.33	5.69	5.45	6.12	6.12	1.66
Besut	Bukit Bunga	Bukit Bunga	50.02	51.98	52.06	53.93	53.93	19.55
Setiu	Sungai Tong	Sungai Tong I & II	27.74	28.63	31.53	31.79	31.79	11.45
Jumlah			617.94	627.25	649.91	624.02	624.02	212.93

Sumber: SATU

2.4.1.4. Jadual 2.3 tidak menggambarkan keperluan sebenar kecukupan sumber air mentah kerana tiada data mengesahkan kadar penggunaan yang sebenar untuk menampung keperluan penduduk. Menurut keterangan pegawai SATU, setakat ini Negeri Terengganu belum menghadapi krisis kekurangan air dan sekiranya paras air di loji rawatan air merosot dan air sungai kering di lembangan sungai Terengganu, permohonan untuk melepaskan air dari Stesen Jana kuasa Elektrik Sultan Mahmud di Tasik Kenyir akan dibuat oleh SATU kepada TNB.

2.4.1.5. Berdasarkan maklum balas JBA bertarikh 18 September 2016, menurut Pihak JBA Kerajaan Negeri sentiasa membuat penilaian berasaskan kepada permintaan air setiap tahun. Unjuran keperluan permintaan air sentiasa dipantau di jabatan dan juga pihak SPAN. Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan loji di daerah Kuala Terengganu iaitu di Bukit Berapit dan menaiktaraf loji sedia ada di Kemaman bagi tujuan memastikan kuantiti air mencukupi sehingga tahun 2030.

Pada pendapat Audit, sumber air mentah di Negeri Terengganu adalah mencukupi berdasarkan kepada KSAN. Bagaimanapun JBA hendaklah menjalankan kajian sumber air negeri bagi menentukan ketersediaan sumber air dan peningkatan permintaan terhadap sumber air dengan mengambil kira faktor perubahan cuaca.

2.4.2. Prestasi Kualiti Air Mentah

Sungai merupakan salah satu daripada sumber air mentah yang diproses menjadi air terawat/bersih untuk penggunaan pengguna. Tahap kualiti air sungai perlu dijaga dan ia dinilai berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA). Parameter kualiti air mentah perlu mematuhi piawaian yang telah ditetapkan mengikut peraturan bagi memastikan sungai tidak tercemar. Piawaian interim kualiti air sungai yang dikeluarkan oleh JAS adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Piawai Interim Kualiti Air Sungai

Parameter	Unit	Kelas				
		I	II	III	IV	V
NH3-N	mg/l	<0.1	0.1- 0.3	0.3 - 0.9	0.9-27	>27
BOD	mg/l	<1	1 - 3	3 - 6	6 - 12	>12
COD	mg/l	<10	10 - 25	25 - 50	50-100	>100
DO	mg/l	>7	5 - 7	3 - 5	1 - 3	<1
pH	-	>7	6 - 7	5.6	<5	>5
SS	mg/l	<25	25 - 50	50 - 150	150-300	>300
Indeks Kualiti Air (IKA)		≥ 92.7	≥76.5 < 92.7	≥51.9 < 76.5	≥31.0 < 51.9	<31.0
Kategori		Sangat Bersih	Bersih	Sederhana Bersih	Tercemar	Sangat Tercemar

Sumber: JAS

Nota Keterangan

Kelas	Kegunaan
I	Persekitaran semula jadi (<i>natural environment</i>), sesuai untuk semua hidupan air, bekalan air tanpa perlu sebarang rawatan.
II	Bekalan air dengan rawatan konvensional, rekreasi termasuk mandi manda, perikanan dan minuman haiwan ternakan.
III	Bekalan air dengan rawatan intensif biasa, perikanan, dan minuman haiwan ternakan.
IV	Sesuai untuk pengairan pertanian.

<i>Kelas</i>	<i>Kegunaan</i>
V	Sesuai dari kegunaan-kegunaan di atas.
<i>Parameter</i>	<i>Keterangan</i>
NH3-N	<i>Ammoniakal Nitrogen</i>
BOD	<i>Biochemical Oxygen Demand</i>
COD	<i>Chemical Oxygen Demand</i>
DO	Oksigen Terlarut
pH	Ukuran Keasidan dan Kealkalian Sesuatu Larutan
SS	Pepejal Terampai
mg/l	miligram per liter

2.4.2.1. Trend Prestasi Kualiti Air Mentah

Pengukuran kualiti sumber air di Terengganu dijalankan oleh JAS, SATU dan JKNT disebabkan JBA tidak mempunyai kepakaran dalam perkara tersebut. Semakan Audit terhadap data/laporan yang disediakan oleh JAS dan JKNT menunjukkan bacaan kualiti air di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

a. Kemerosotan Bacaan IKA Oleh JAS

JAS Negeri Terengganu mengawasi 13 buah lembangan sungai utama iaitu lembangan sungai Kemaman, Chukai, Kerteh, Paka, Dungun, Terengganu, Merchang, Marang, Ibai, Setiu, Merang, Besut dan Kluang. JAS telah memilih 35 lokasi sebagai stesen untuk pengawasan kualiti air sungai melalui kaedah '*in-situ*' dan analisis makmal. Bagi tujuan analisis, JAS telah melantik sebuah Syarikat untuk menjalankan analisis kualiti air di semua stesen yang dipilih dengan kekerapan antara 4 hingga 5 kali setahun bagi setiap stesen. Data indeks kualiti air yang dikeluarkan oleh JAS bagi tahun 2006 hingga 2015 adalah seperti **Jadual 2.5** dan **Carta 2.1**. Analisis Audit terhadap data tersebut adalah seperti berikut:


- i. Trend kualiti air di semua lembangan sungai utama Negeri Terengganu adalah dalam purata bersih dan sederhana bersih. Tiada lembangan sungai utama berada pada purata piawaian kelas IV dan V iaitu tercemar dan sangat tercemar.
- ii. Trend kualiti air secara puratanya menunjukkan bacaan semakin menurun dalam tempoh 10 tahun di mana bacaan IKA menurun daripada 88 pada tahun 2006 kepada 81 pada tahun 2015 terutama di lembangan sungai Chukai, Ibai dan Kluang.
- iii. Bacaan IKA paling rendah dicatatkan di lembangan sungai Merchang pada tahun 2012 dan di Merang pada tahun 2015 iaitu masing-masing 65 dan 67.

Jadual 2.5
Perbandingan Indeks Kualiti Air Negeri Terengganu Bagi Tahun 2006 Hingga 2015

Bil.	Lembangan Sungai	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Purata
1.	Kemaman	94	91	89	93	91	89	89	89	85	86	89.6
2.	Chukai	88	85	88	86	74	81	77	80	78	77	81.4
3.	Kerteh	88	88	86	87	88	85	85	88	82	81	85.8
4.	Paka	90	88	84	81	90	88	84	83	80	86	85.4
5.	Dungun	92	90	90	90	92	91	93	91	84	88	90.1
6.	Ibai	82	80	81	82	79	79	82	79	76	81	80.1
7.	Merchang	82	80	68	73	73	71	65	70	80	70	73.2
8.	Marang	90	86	85	88	78	79	84	85	81	78	83.4
9.	Terengganu	89	88	88	89	86	90	87	88	88	87	88.0
10.	Setiu	90	92	89	91	93	87	90	89	91	91	90.3
11.	Merang	83	79	71	69	74	69	81	69	71	67	73.3
12.	Besut	91	91	92	92	95	92	91	90	87	87	90.8
13.	Kluang	89	88	87	85	86	81	80	75	75	75	82.1
Purata Tahunan		88	87	84	85	85	83	84	83	81	81	

Sumber: JAS

Carta 2.1
Perbandingan Indeks Kualiti Air Negeri Terengganu Bagi Tahun 2006 Hingga 2015



Sumber: JAS

b. Pelanggaran Piawaian Kualiti Air Mentah Oleh JKNT

- i. JKNT melalui Bahagian Kejuruteraan Negeri bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemantauan dan pensampelan kualiti air bagi bekalan air awam di Negeri Terengganu di bawah Program Kawalan Mutu Air Minum. Pensampelan dilaksanakan di muka sauk, *Treatment Plant Outlet (TPO)*, *Service Reservoir Outlet (SRO)* dan stesen pensampelan di paip agihan utama. Pensampelan adalah bagi mengesan pelanggaran mutu kualiti air mentah yang diuji mengikut parameter yang telah ditetapkan dan dibahagikan kepada 4 jenis kumpulan iaitu fizikal, kimia, logam berat dan pestisid. Pensampelan telah dilaksanakan di 223

stesen di semua daerah bagi setiap tahun di Negeri Terengganu. Analisis Audit terhadap laporan dan data yang disediakan oleh JKNT mendapati pelanggaran terhadap piawaian kualiti air mentah adalah seperti **Jadual 2.6**. Analisis Audit terhadap laporan tersebut mendapati:

- Pelanggaran kualiti air mentah bagi Kumpulan 1 (Fizikal) adalah antara 0.16% hingga 19.61% di mana Daerah Setiu mencatatkan pelanggaran tertinggi iaitu 50 daripada 255 sampel atau 19.61% (tahun 2015).
- Bagi kumpulan 2 (kimia), pelanggaran kualiti air mentah adalah antara 0.93% hingga 13.59% di mana Daerah Kemaman mencatatkan pelanggaran tertinggi iaitu 25 daripada 184 sampel atau 13.59% (tahun 2013).
- Bagi kumpulan 3 (logam berat), terdapat hanya satu pelanggaran kualiti air mentah melibatkan Daerah Dungun iaitu 3 daripada 160 sampel atau 1.88% (tahun 2014).
- Tiada pelanggaran kualiti air mentah untuk kumpulan 4 (pestisid) bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

Jadual 2.6
Pelanggaran Piawaian Kualiti Air Mentah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Jenis	Kumpulan 1 (Fizikal)			Kumpulan 2 (Kimia)			Kumpulan 3 (Logam Berat)			Kumpulan 4 (Pestisid)		
		2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015
Kuala Terengganu	A	600	612	510	216	216	216	80	80	80	48	48	48
	B	0	1	1	3	7	6	0	0	0	0	0	0
	(%)	0	0.16	0.20	1.39	3.20	2.78	0	0	0	0	0	0
Hulu Terengganu	A	600	610	510	200	213	216	80	80	80	48	48	48
	B	9	6	9	8	8	18	0	0	0	0	0	0
	(%)	1.50	0.98	0.18	4.00	3.76	8.33	0	0	0	0	0	0
Besut	A	277	306	255	108	108	108	40	40	40	24	24	24
	B	1	4	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0
	(%)	0.36	1.31	1.18	0.93	0	0	0	0	0	0	0	0
Kemaman	A	600	600	500	184	192	216	80	80	80	48	48	42
	B	33	55	53	25	16	25	0	0	0	0	0	0
	(%)	5.50	9.17	10.60	13.59	8.33	11.57	0	0	0	0	0	0
Dungun	A	1,190	1,223	1,020	393	397	432	160	160	160	96	96	90
	B	43	16	48	35	23	25	0	3	0	0	0	0
	(%)	3.61	1.31	4.71	8.91	5.80	5.79	0	1.88	0	0	0	0
Marang	A	300	306	255	108	108	106	40	40	40	24	24	24
	B	0	0	1	7	4	4	0	0	0	0	0	0
	(%)	0	0	0.39	6.48	3.70	3.77	0	0	0	0	0	0
Setiu	A	292	300	255	108	108	108	40	40	40	24	24	24
	B	13	33	50	1	4	5	0	0	0	0	0	0
	(%)	4.45	11.00	19.61	0.93	3.70	4.63	0	0	0	0	0	0

Sumber: JKNT

Nota Keterangan:

Kumpulan 1	(Total Coliform, E.coli, pH (Low) & pH (High), Kekeruhan & Warna)
Kumpulan 2	(BOD, COD, Ammonia, Nitrate, Fluoride (High), Iron, Manganese, Aluminium & Hardness)
Kumpulan 3	(Mercury, Cadmium, Arsenic, Lead, Chromium, Zink, Cuprum, Natrium, Sulfat, Selenium & Magnesium)
Kumpulan 4	(Aldrin/ Dieldrin, DDT, Heptachlor & Heptachlor Epoxide, Methoxychlor, Lindane & Chlordane)
A	Bilangan sampel
B	Bilangan pelanggaran sampel
%	Peratus pelanggaran sampel

ii. Laporan yang disediakan oleh JKNT juga menyediakan analisis lanjut kualiti air mentah mengikut parameter seperti **Jadual 2.7**. Analisis Audit terhadap laporan tersebut mendapati:

- Bagi kumpulan 1 (fizikal), pelanggaran kualiti air mentah bagi parameter *total coliform* mencatatkan bacaan tertinggi dan menunjukkan trend penurunan kualiti air iaitu pelanggaran sebanyak 12.44% pada tahun 2013, meningkat kepada 14.85% pada tahun 2014 dan meningkat kepada 20.66% pada tahun 2015.
- Bagi kumpulan 2 (kimia), 4 daripada 9 parameter iaitu parameter *Chemical Oxygen Demand (COD)*, *Iron*, *Manganese* dan *Aluminium* mencatatkan trend kualiti air tidak menentu dan pelanggaran kualiti air mentah adalah antara 2.56% hingga 21.15%.
- Bagi kumpulan 3 (logam berat), terdapat pelanggaran kualiti air mentah bagi parameter *Mercury*, *Cadmium* dan *Arsenic* iaitu 1.92% bagi kesemua parameter tersebut.

Jadual 2.7
Analisis Kualiti Air Mentah Mengikut Parameter Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Parameter	Had Dibenarkan	Pelanggaran (%)		
			2013	2014	2015
Kumpulan 1					
1.	Total Coliform	5,000 MPN/100ml	12.44	14.85	20.66
2.	E.Coli	5,000 MPN/100ml	2.10	1.36	1.51
3.	pH (Low)	5.5	0.15	0.76	2.41
4.	pH (High)	9.0	0.62	0.00	0.00
5.	Kekeruhan	1,000 NTU	0.00	0.00	0.00
6.	Warna	300 CTU	0.15	0.46	0.31
Kumpulan 2					
7.	Biological Oxygen Demand (BOD)	6mg/l	0.88	0.00	1.29
8.	Chemical Oxygen Demand (COD)	10mg/l	10.71	4.69	8.39
9.	Ammonia	0.5mg/l	0.00	0.00	0.00
10.	Nitrate	10mg/l	0.00	0.00	0.00
11.	Fluoride	1.5mg/l	1.92	0.00	0.00
12.	Iron	1.0mg/l	17.31	11.54	16.67
13.	Manganese	0.2mg/l	2.56	3.85	7.69
14.	Aluminium	0.2mg/l	21.15	19.87	19.23
15.	Hardness	500mg/l	0.00	0.64	0.00
Kumpulan 3					
16.	Mercury	0.001mg/l	0.00	1.92	0.00
17.	Cadmium	0.005mg/l	0.00	1.92	0.00
18.	Arsenic	0.05mg/l	0.00	1.92	0.00
19.	Lead	0.1mg/l	0.00	0.00	0.00
20.	Chromium	0.5mg/l	0.00	0.00	0.00
21.	Cuprum	0.00-1.00mg/l	0.00	0.00	0.00
22.	Natrium	0.00-200.00mg/l	0.00	0.00	0.00
23.	Sulfat	0.00-250.00mg/l	0.00	0.00	0.00
24.	Selenium	0.00-0.01mg/l	0.00	0.00	0.00
25.	Magnesium	0.00-150.00mg/l	0.00	0.00	0.00

Bil.	Parameter	Had Dibenarkan	Pelanggaran (%)		
			2013	2014	2015
Kumpulan 4					
26.	Aldrin/Dieldrin	0.00003mg/l	0.00	0.00	0.00
27.	DDT	0.002mg/l	0.00	0.00	0.00
28.	Heptachlor & Heptachlor Epoxide	0.00003mg/l	0.00	0.00	0.00
29.	Methoxychlor	0.02mg/l	0.00	0.00	0.00
30.	Lindane	0.002mg/l	0.00	0.00	0.00
31.	Chlordane	0.0002mg/l	0.00	0.00	0.00

Sumber: JKNT

- iii. Berdasarkan Laporan Kajian Kebersihan (*Sanitary Survey*) yang juga dijalankan oleh JKNT mengikut sampel-sampel terpilih terhadap kualiti air mentah bagi tahun 2013 hingga 2015, didapati tahap pencemaran di tahap yang tidak membimbangkan walaupun terdapat pelbagai aktiviti seperti aktiviti pembalakan, aktiviti rekreasi, aktiviti pengorekan pasir seperti di **Gambar 2.1**, sisa bahan buangan seperti di **Gambar 2.2**, aktiviti penternakan ikan, penggunaan baja kimia dan racun daripada aktiviti pertanian dan perladangan, sisa perkilangan kelapa sawit dan kebun getah, sisa industri petroleum, bahan sisa operasi loji, tumpahan minyak jentera dan mesin serta kerja-kerja guna tanah dan pembinaan lebuh raya. Namun begitu, jika kualiti air sungai tidak dipulihkan dengan sebaiknya, maka ia akan menyebabkan kemerosotan kualiti air sungai yang berpanjangan dan kemungkinan kehilangan ekosistem semula jadi.

Gambar 2.1
Aktiviti Pengorekan Pasir
Di Sungai Setiu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kg. Nyatoh, Setiu
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 2.2
Sisa Bahan Buangan
Berhampiran Sungai Ibai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Kuala Ibai, Kuala Terengganu
Tarikh: 10 April 2016

- c. Berdasarkan maklum balas SATU pada 31 Julai 2016, peratus kemerosotan bacaan indeks kualiti air dan bacaan pelanggaran piawaian kualiti air mentah yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kesihatan Negeri belum menjejaskan kualiti air di Negeri Terengganu.

Pada Pendapat Audit, prestasi kualiti air mentah di Negeri Terengganu pada amnya adalah baik tetapi berlaku sedikit kemerosotan dalam bacaan parameter dan pelanggaran piawaian kualiti air.

2.4.3. Pengurusan Pewartaan Kawasan Tadahan Air

Berdasarkan Perenggan 3 Bahagian 1 Enakmen Bekalan Air 1998 (Enakmen Bil. 2/1998) menyatakan pengisytiharan kawasan tadahan hendaklah dibuat oleh Badan Kawal Selia melalui pewartaan. Warta yang dibuat hendaklah menentukan sempadan kawasan tadahan, menyatakan jenis aktiviti (jika ada) yang dibenarkan di dalam kawasan tadahan tersebut supaya melindungi air dan apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perenggan 4 Bahagian 1 Enakmen yang sama menyatakan Pihak Berkuasa Negeri juga boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan tadahan air. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.3.1. Kawasan Tadahan Air Belum Diwartakan

- a. JBA belum mengenal pasti kawasan lembangan dan tadahan yang perlu diwartakan atau diisytiharkan sebagai kawasan larangan. Temubual dengan pegawai JBA memaklumkan draf cadangan pewartaan kawasan tadahan air sedang dijalankan dengan peruntukan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA). JBA juga dalam proses penggubalan enakmen yang mana akan mewartakan kawasan sumber air secara menyeluruh.
- b. Sementara itu, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah mewartakan kawasan seluas lebih kurang 49 ribu hektar Hutan Simpan Kekal sebagai Hutan Tadahan Air pada tahun 2008 selaras dengan Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984. Kawasan Tadahan Air dalam Hutan Simpan Kekal yang terlibat dengan pewartaan tersebut sebagaimana diwartakan dengan nombor warta 772 bertarikh 31 Julai 2008. JPNT juga dalam cadangan untuk mewartakan kawasan seluas 12 ribu hektar menjadikan jumlah keseluruhan kawasan Tadahan Air dalam Hutan Simpan Kekal akan meningkat kepada 61,375 hektar seperti **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Senarai Cadangan Pewartaan Hutan Tadahan Air
Dalam Hutan Simpan Kekal

Bil.	Nama Hutan Simpan Kekal (Hutan Tadahan Air)	Keluasan (Hektar)
1.	Gunung Tebu	6,594.49
2.	Hulu Terengganu (T)	2,322.47
3.	Jengai	389.46
4.	Jerangau	447.92
5.	Pasir Raja Selatan	1,403.62
6.	Pelagat	148.02
7.	Petuang	684.37
8.	Rasau Kerteh	302.47
9.	Sungai Mekeluk	320.36
10.	Tembat	48,762.58
Jumlah		61,375.76

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT)

- c. Selain pewartaan yang dilakukan oleh JPNT, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (JPST) juga telah mewartakan semua sungai di Negeri Terengganu melalui Warta Kerajaan Jld. 63, Bil. 21 bertarikh 14 Oktober 2010. Sebanyak 730 batang sungai dengan panjang sejumlah hampir 5 ribu kilometer telah diwartakan di Negeri Terengganu seperti **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Senarai Sungai Yang Telah Diwartakan

Bil.	Daerah	Bilangan Sungai	Panjang (km)
1.	Kuala Terengganu	85	420.43
2.	Marang	34	251.06
3.	Hulu Terengganu	51	605.00
4.	Dungun	88	875.10
5.	Kemaman	48	666.50
6.	Besut	264	1,168.07
7.	Setiu	160	900.73
Jumlah		730	4,886.89

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (JPST)

- d. Sehingga Mei 2016, Negeri Terengganu mempunyai 2 empangan baharu yang telah siap dibina dan digunakan iaitu Empangan Kenyir 2 untuk jana kuasa elektrik dan Empangan Paya Peda (IADA KETARA) untuk pertanian yang belum diwartakan. Kedudukan kawasan Empangan Kenyir 1 dan 2 serta Empangan Paya Peda melalui aplikasi *Google Earth* adalah seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3
Gambar Dan Peta Empangan Paya Peda, Besut Menerusi Aplikasi Google Earth



Sumber: *Google Earth*
Tempat: Hulu Besut, Besut, Terengganu

Gambar 2.4
Gambar Dan Peta Empangan Tasik Kenyir 1 dan 2 Menerusi Aplikasi Google Earth




Sumber: *Google Earth*
Tempat: Hulu Terengganu, Terengganu

2.4.3.2. Penggunaan Kawasan Tadahan Air (Kawasan Larangan)

- a. Perenggan 3 Bahagian 2 (b) Enakmen Bekalan Air 1998, menetapkan kawasan tadahan air yang diwartakan hendaklah menentukan sempadan kawasan tadahan, menyatakan jenis aktiviti (jika ada) yang dibenarkan di dalam kawasan tadahan tersebut supaya melindungi air dan apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- b. Semakan Audit mendapati Sungai Como di Tasik Kenyir termasuk di dalam hutan simpan kekal (kawasan tadahan air seluas 3,027 hektar) yang telah diwartakan oleh JPNT melalui nombor warta 772 pada 31 Julai 2008. Lawatan Audit bersama pegawai JPNT dan JAS ke Tasik Kenyir mendapati aktiviti akuakultur (penternakan ikan talapia secara komersial) sedang dijalankan di kawasan yang diwartakan sebagai kawasan tadahan air di Sungai Como, Tasik Kenyir seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

Gambar 2.5
Kawasan Aktiviti Akuakultur PPNT
Melalui Aplikasi Google Earth



Sumber: Google Earth
Tempat: Sungai Como, Tasik Kenyir

Gambar 2.6
Aktiviti Menternak Ikan Dalam Sangkar
Di Sungai Como, Tasik Kenyir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tempat: Sungai Como, Tasik Kenyir
Tarikh: 4 Mei 2016

- c. Pihak Audit dimaklumkan aktiviti ini adalah di bawah pengawasan Pejabat Perikanan Negeri Terengganu (PPNT) dan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. Secara umumnya, aktiviti ternakan ikan dalam sangkar tidak menjejaskan kualiti air. Bagaimanapun faktor makanan, penyenggaraan sangkar, pertambahan agensi dan perluasan kawasan terhadap aktiviti ternakan ikan dalam sangkar dan kepelbagaian aktiviti pelancongan sekitarnya dikhuatiri akan mempengaruhi kualiti air pada masa hadapan. Menurut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008, kelulusan MMKN kali ke 34/2001 pada Disember 2001 telah diberikan kepada PPNT bagi menjalankan aktiviti akuakultur seluas 3,027 hektar. Bagaimanapun kelulusan tersebut masih di peringkat laporan teknikal kerana pertindihan penguatkuasaan antara JPNT dan PPNT. Semakan lanjut di JPNT, mendapati perkara tersebut telah dimuktamadkan iaitu masih belum diwartakan dan hanya dikategorikan sebagai zon akuakultur sahaja disebabkan masalah penggantian kawasan baru jika kawasan tersebut diwartakan.

2.4.3.3. Berdasarkan maklum balas JBA bertarikh 29 September 2016, draf cadangan pewartaan kawasan tadahan air akan disediakan setelah mendapat data lengkap berkaitan kawasan-kawasan yang dikenal pasti melalui kajian yang dijalankan oleh konsultan melalui pembiayaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA). Berdasarkan maklum balas Pejabat Perikanan bertarikh 31 Julai 2016, MMKN telah meluluskan zon tersebut pada tahun 2001 dan 2009 tetapi jabatannya masih mengalami masalah untuk menjalankan aktiviti penternakan ikan

dalam sangkar secara komersial. Berdasarkan maklum balas Jabatan Perhutanan bertarikh 31 Julai 2016, walaupun MMKN telah meluluskan zon akuakultur tersebut, ianya masih merupakan kawasan larangan selagi Pejabat Perikanan tidak membuat bayaran kepada Jabatan Perhutanan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan MMKN.

Pada pendapat Audit, aktiviti pewartaan oleh JBA adalah kurang memuaskan kerana belum mengambil alih tanggungjawab mewartakan semua kawasan sumber air dan hanya bergantung kepada pewartaan oleh JPNT dan JPST.

2.4.4. Prestasi Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan

Berdasarkan Perenggan 15 Bahagian 3 Enakmen Bekalan Air 1998, ada menyatakan mana-mana pihak yang ingin mengadakan apa-apa perkhidmatan yang berkait dengan bekalan air hendaklah mendapatkan lesen daripada Pihak Berkuasa Negeri. Manakala Perenggan 37 Bahagian 5 Enakmen yang sama ada menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan caj atau tarif kepada mana-mana pihak yang telah dibekalkan air atau diberikan perkhidmatan di bawah Enakmen ini. Semakan Audit mendapati terdapat pengambilan air mentah oleh beberapa syarikat bagi aktiviti penghasilan air bersih, air mineral, penternakan udang dan perladangan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati pengambilan air bagi aktiviti tersebut di atas tidak dilesenkan dan tidak dikenakan sebarang caj. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil sumber air mentah.

Pada pendapat Audit, prestasi penguatkuasaan dan pelesenan kurang memuaskan di mana aktiviti pengambilan air mentah tidak dilesenkan dan tidak dikenakan sebarang caj.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan pengurusan kawal selia sumber air, adalah disyorkan:

2.5.1. Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan tindakan penubuhan Badan Kawal Selia Air serta mengkaji dan menggubal semula Enakmen Bekalan Air bagi memastikan pengurusan sumber air negeri dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

2.5.2. Kerajaan Negeri perlu memastikan koordinasi yang baik dari semua pihak yang terlibat dengan pengurusan kawal selia sumber air bagi menghasilkan pengurusan kawal selia sumber air Negeri yang mantap sebelum Badan Kawal Selia Air Negeri ditubuhkan.

2.5.3. JBA perlu menguatkuasakan Perenggan 37 dalam Bahagian 5 kepada Enakmen Bekalan Air 1998 bagi mengenakan caj pengambilan air mentah bagi menambah pungutan hasil Kerajaan Negeri.

MAJLIS DAERAH SETIU MAJLIS DAERAH MARANG

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Daerah Setiu (MDS) dan Majlis Daerah Marang (MDM) merupakan 2 daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Terengganu yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sebanyak 7 mukim yang meliputi kawasan seluas 1,304.36 kilometer persegi terletak di bawah kawasan pentadbiran MDS manakala MDM mentadbir sebanyak 6 mukim merangkumi keluasan 666.54 kilometer persegi. Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi masing-masing.

3.1.2. Dalam melaksanakan aktivitinya, MDS dan MDM terlibat dengan perolehan meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui kaedah perolehan yang berkuat kuasa sama ada secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Dalam membuat perolehan, MDS dan MDM adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan dikuatkuasakan di Majlis masing-masing. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, MDS melaksanakan sebanyak 367 perolehan berjumlah RM38.55 juta manakala MDM telah melakukan sebanyak 392 perolehan berjumlah RM31.84 juta. Bilangan dan kos bagi perolehan di MDS dan MDM mengikut sumber peruntukan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Dan Kos Perolehan Mengikut Sumber Peruntukan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Kaedah Perolehan	Sumber Peruntukan				Jumlah	
	Persekutuan		Negeri			
	Bil. Perolehan	(RM Juta)	Bil. Perolehan	(RM Juta)	Bil. Perolehan	(RM Juta)
MDS						
Pembelian Terus	101	1.38	75	2.64	176	4.02
Sebut Harga	64	9.33	95	16.13	159	25.46
Tender	0	0	10	6.93	10	6.93
Rundingan Terus	0	0	22	2.14	22	2.14
Jumlah MDS	165	10.71	202	27.84	367	38.55
MDM						
Pembelian Terus	58	1.13	152	3.73	210	4.86
Sebut Harga	51	7.19	127	17.45	178	24.64
Tender	0	0	4	2.34	4	2.34
Rundingan Terus	0	0	0	0	0	0
Jumlah MDM	109	8.32	283	23.52	392	31.84
Jumlah Keseluruhan	274	19.03	485	51.36	759	70.39

Sumber: MDS dan MDM

3.1.3. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, MDS dan MDM masing-masing telah melaksanakan sebanyak 367 dan 392 perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan bernilai RM38.55 juta dan RM31.84 juta. Kaedah perolehan dilaksanakan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Perolehan Mengikut Kaedah Di MDS Dan MDM
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun/ Kaedah Perolehan	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Rundingan Terus		Jumlah	
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
MDS										
2013	75	2.21	41	5.18	2	2.26	-	-	118	9.65
2014	78	1.48	53	8.55	4	2.34	21	1.99	156	14.36
2015	23	0.32	65	11.73	4	2.34	1	0.15	93	14.54
Jumlah MDS	176	4.01	159	25.46	10	6.94	22	2.14	367	38.55
MDM										
2013	85	2.19	42	5.51	-	-	-	-	127	7.70
2014	87	1.92	46	8.20	2	1.17	-	-	135	11.29
2015	38	0.75	90	10.93	2	1.17	-	-	130	12.85
Jumlah MDM	210	4.86	178	24.64	4	2.34	-	-	392	31.84
Jumlah Keseluruhan	386	8.87	337	50.10	14	9.28	22	2.14	759	70.39

Sumber: MDS dan MDM

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MDS dan MDM telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan perolehan di Majlis Daerah Setiu dan Majlis Daerah Marang bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 meliputi aspek perancangan, pembelian, penerimaan, penggunaan dan penyimpanan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan perolehan. Sebanyak 100 sampel perolehan telah dipilih di MDS dan 55 sampel di MDM meliputi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dibuat menggunakan kaedah pembelian/lantikan terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Selain itu, lawatan Audit ke 45 tapak projek juga telah dijalankan. Temu bual dengan penduduk sekitar serta pegawai MDS dan MDM yang terlibat turut dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Majlis Daerah Setiu telah dihadiri oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Setiu dan disertai oleh Penolong Ketua Setiausaha Unit Integriti, Prestasi Dan Kaunseling serta Pegawai Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) pada 28 Ogos 2016. Manakala *Exit Conference* bersama Majlis Daerah Marang diadakan pada 30 Ogos 2016 telah dihadiri oleh Setiausaha Majlis Daerah Marang dan Pegawai Unit Audit Dalam SUK.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2016 mendapati pengurusan perolehan di MDS dan MDM adalah baik di mana matlamat/objektif perolehan di MDS dan MDM telah tercapai iaitu bekalan dan perkhidmatan diterima telah digunakan serta kerja telah dilaksanakan. Selain itu, peraturan dan prosedur berkaitan perolehan telah dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan perolehan projek seperti di perenggan berikut:

3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

3.4.1.1. Peralatan/Kerja Tidak Dibekal/Dibuat

Bekalan dan peralatan yang dibekalkan hendaklah disahkan bilangan adalah mencukupi dan mutu adalah mengikut piawaian sebelum penerimaan disahkan dan pembayaran dibuat. Semakan Audit mendapati:

- a. Kerja pembinaan longkang di Kampung Padang Saujana, Setiu yang berjumlah RM428,650 termasuk pembinaan pembetung bulat “S” dan penutup longkang telah siap sepenuhnya pada 19 Januari 2016. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 31 Mei 2016 mendapati pembinaan pembetung bulat “S” sepanjang 7.5 meter dan 3 daripada 4 penutup longkang tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Kos pembinaan bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan tersebut adalah berjumlah RM9,000. Setakat semakan Audit pada bulan Mei 2016 mendapati pembayaran interim pertama bagi projek ini telah dibuat pada 3 Januari 2016 berjumlah RM241,422. MDS masih belum membuat pembayaran muktamad dan masih memegang Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM21,433.
- b. Kerja pembinaan Pusat Komuniti Bandar (PKB) dan pembekalan peralatan berkaitan di MDS dan MDM yang berjumlah masing-masing RM101,260 dan RM102,420 telah siap pada 6 Januari 2016 dan 30 Disember 2015. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati alat pengesan asap, alat pemadam api, meja kerja dan 3 lampu kalimantang tidak dibekalkan di PKB Setiu. Sementara itu, alat pengesan asap, peti surat, sebuah meja penyambut tetamu dan kipas berdiri tidak dibekalkan di PKB Marang.
- c. **Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 1 September 2016, MDS telah membuat pemotongan di dalam pelarasan harga kontrak pembinaan longkang dan kerja-kerja berkaitan sejumlah RM16,926 manakala peralatan di PKB telah dibekalkan oleh pihak kontraktor. Mengikut maklum balas daripada MDM bertarikh 11 September 2016, MDM telah mengarahkan kontraktor yang terlibat dengan projek pembinaan Pusat Komuniti Bandar bagi membekalkan dan memasang semula peralatan yang tidak dibekalkan. Sebagai langkah pencegahan, pihak MDM juga telah melantik 3 pegawai sebagai Juruaudit bagi**

memeriksa peralatan yang diterima dan kerja yang dilaksanakan sebelum pengesahan dan pembayaran dibuat.

- d. Berdasarkan maklumbalas daripada MDS dan MDM, satu susulan Audit telah dibuat pada 18 September 2016 di MDS mendapati pelarasan harga kontrak bagi kerja pembinaan pembetung bulat “S” dan penutup longkang telah dibuat. Manakala peralatan di PKB Setiu dan Marang telah dibekalkan sepenuhnya sepertimana pesanan. Keadaan peralatan di PKB Setiu dan Marang sebelum dan selepas pembekalan semula adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Alat Pengesan Asap
Di PKB Setiu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Komuniti Bandar MDS
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 3.2
Kipas Berdiri Telah Dibekalkan
Di PKB Marang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Komuniti Bandar MDM
Tarikh: 20 September 2016

3.4.1.2. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Spesifikasi sesuatu bekalan, perkhidmatan dan kerja adalah amat penting bagi menentukan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dibuat selaras dan bertepatan dengan piawaian yang diguna pakai. Majlis hendaklah memastikan bekalan, perkhidmatan dan kerja menepati spesifikasi yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap 45 perolehan di MDS dan MDM mendapati perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dilaksanakan dengan baik dan mengikut spesifikasi. Bagaimanapun, 3 daripada perolehan tersebut masing-masing 2 di MDS dan satu di MDM yang berjumlah RM0.62 juta dan RM0.50 juta tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di bawah.

a. Pembinaan *Kiosk* Di Sg. Nyatoh

Semakan Audit mendapati pembinaan 3 unit *kiosk* di Sg. Nyatoh tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Berdasarkan kepada pelan, setiap *kiosk* mempunyai 3 ruang tingkap di bahagian belakang. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati satu ruang tingkap sahaja yang dibina. **Gambar 3.3** menunjukkan 3 ruang tingkap di bahagian belakang *kiosk* mengikut pelan manakala **Gambar 3.4** merupakan ruang tingkap yang dibina.

Gambar 3.3
Pelan Tingkap Di Bahagian Belakang
Kiosk Yang Sepatutnya Dibina



Sumber: Fail projek MDS
 Lokasi: Sg. Nyatoh, Setiu

Gambar 3.4
Tingkap Yang Dibina Di Bahagian
Belakang Kiosk



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Sg. Nyatoh, Setiu
 Tarikh: 29 Jun 2016


b. Pembinaan Longkang Kg. Padang Saujana

Projek membina longkang serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Padang Saujana, Setiu menelan kos berjumlah RM428,650. Pelaksanaan projek ini melibatkan kerja-kerja membina dan memasang longkang 'U' bersaiz 900mm x 900mm sepanjang 1,100 meter dan lain-lain kerja berkaitan. Projek ini telah disiapkan pada 19 Januari 2016. Lawatan Audit bersama Penolong Jurutera MDS terhadap kerja-kerja pembinaan tersebut mendapati jarak longkang yang dibina adalah sepanjang 1,069 meter iaitu terkurang sepanjang 31 meter sepertimana yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti sepanjang 1,100 meter.

c. Pembinaan Gazebo Di Taman Permainan Pulau Kekabu

MDM telah membina taman permainan di Pulau Kekabu yang mengandungi peralatan permainan kanak-kanak, laluan pejalan kaki dan 2 gazebo yang melibatkan kos berjumlah RM499,960. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telah digunakan oleh orang awam. Berdasarkan pelan lukisan, gazebo tersebut mempunyai palang penahan di setiap penjuru atap bagi menguatkan struktur atap gazebo. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati gazebo yang dibina tidak mempunyai palang penahan pada setiap penjuru atap seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5
Pelan Palang Penahan
Yang Sepatut Dipasang



Sumber: Fail projek MDM

Gambar 3.6
Palang Penahan Tidak Dipasang Bagi
Menyokong Struktur Atap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Kekabu, Marang
Tarikh: 16 Jun 2016

- d. Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 1 September 2016, MDS telah mengadakan perbincangan dalam mesyuarat teknikal bagi menjimatkan ruang di dalam kiosk menyebabkan pemasangan tingkap dikurangkan daripada 3 ruang tingkap kepada satu ruang sahaja. MDS juga membuat pemotongan harga bagi kerja yang telah diubah sejumlah RM23,637. Bagi projek pembinaan longkang di Kg. Padang Saujana, pihak MDS telah membuat pengukuran akhir dan mengarah kontraktor menyiapkan baki 31 meter yang tidak dibina. Mengikut maklum balas daripada MDM bertarikh 11 September 2016, MDM telah mengarahkan kontraktor memasang palang penahan atap gazebo sebagaimana pelan asal.
- e. Berdasarkan maklum balas daripada MDS, satu susulan Audit telah dibuat pada 18 September 2016 mendapati pelarasan harga bagi kerja pembinaan kiosk telah dibuat. Manakala pembinaan baki longkang sepanjang 31 meter telah dilaksanakan. Sementara itu, susulan Audit telah dibuat pada 20 September 2016 di MDM mendapati palang penahan atap gazebo telah dipasang seperti di **Gambar 3.7**.



Gambar 3.7
Palang Penahan Telah Dipasang Bagi
Menyokong Struktur Atap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Kekabu, Marang
Tarikh: 20 September 2016

3.4.1.3. Kualiti/Kemasan Kerja Yang Kurang Sempurna

Kualiti dan kemasan bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah diutamakan supaya barangan dan hasil kerja dapat dimanfaatkan dengan lebih baik dan selesa. Pemeriksaan dan lawatan Audit mendapati:

- a. Kualiti kerja bagi pembinaan dataran kejut di Sg. Nyatoh, Setiu melibatkan kos berjumlah RM456,910 agak kurang sempurna di mana keadaan tebing dataran yang tidak lurus/bengkang bengkok. Manakala pembinaan longkang dan kerja-kerja berkaitan di Kg. Padang Saujana, Setiu sepanjang 1,100 meter dengan kos berjumlah RM428,650 kurang sempurna di mana sebahagian daripada pemasangan longkang tidak dibuat tampalan simen. Keadaan ini menyebabkan pasir memasuki longkang dan mengurangkan kedalaman longkang tersebut. Pihak Audit mendapati kedua-dua projek ini masih di bawah tanggungan kecacatan.
- b. **Mengikut maklum balas daripada MDS bertarikh 1 September 2016, projek pembinaan dataran kejut di Sg. Nyatoh masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan MDS telah mengarahkan kontraktor membaiki kecacatan dataran kejut tersebut manakala kerja longkang yang tidak sempurna di Kg. Padang Saujana telah dibuat pembaikan.**
- c. Berdasarkan maklum balas daripada MDS, lawatan susulan Audit pada 18 September 2016 mendapati kecacatan dataran kejut di Sg. Nyatoh dan kerja longkang yang tidak sempurna di Kg. Padang Saujana telah dibaiki. Keadaan sebelum dan selepas pembaikan dibuat adalah seperti di seperti di **Gambar 3.8** hingga **Gambar 3.11**.

Gambar 3.8
Tepi Dataran Kejut
Yang Bengkang Bengkok



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Nyatoh, Setiu
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.9
Tepi Dataran Kejut
Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Nyatoh, Setiu
Tarikh: 18 September 2016

Gambar 3.10
Jarak Antara Longkang
Tiada Tampalan Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Saujana, Setiu
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.11
Longkang Yang Telah
Ditampal Dengan Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Saujana, Setiu
Tarikh: 18 September 2016

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan perolehan di MDS dan MDM adalah baik di mana 86.7% daripada projek yang dilawati telah disiapkan mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemantauan pelaksanaan projek perlu ditingkatkan bagi memastikan pelaksanaan kerja dilaksanakan mengikut tempoh; spesifikasi kerja dan bekalan dipatuhi dan dibekalkan mengikut kontrak; serta kualiti kerja yang baik.

3.4.2. Pematuhan Kepada Peraturan Perolehan

Perolehan yang cekap hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di peringkat perancangan, pembelian, penerimaan, penggunaan dan penyimpanan. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan di MDS dan MDM adalah baik. Pengauditan pematuhan terhadap pengurusan perolehan mendapati kriteria pematuhan telah dipatuhi meliputi pelantikan jawatankuasa, syarat perolehan, kajian pasaran dan pemilihan kontraktor di mana tiada isu-isu yang material berbangkit.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Majlis Daerah Setiu dan Majlis Daerah Marang melakukan pemantauan dengan lebih kerap dan teliti semasa pelaksanaan sesuatu perolehan supaya kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang.

4. GPQ SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. GPQ Sdn. Bhd. (GPQ) dahulunya dikenali sebagai Gabongan Pemborong Quarry Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 14 Julai 1978 dengan modal dibenarkan sejumlah RM10.00 juta dan modal dibayar sejumlah RM4.59 juta. GPQ merupakan anak syarikat yang dimiliki oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) dengan pegangan saham biasa sebanyak 4,591,693 unit atau 97.8% ekuiti. TISB adalah merupakan anak syarikat milik penuh kepada *Menteri Besar Incorporated* (MBI).

4.1.2. Objektif penubuhan GPQ adalah untuk menjadi sebuah syarikat yang produktif dan terunggul dalam bidang pembinaan di Negeri Terengganu. GPQ menjalankan aktiviti utamanya sebagai kontraktor dalam bidang pembinaan dan operasi kuari. Kerja yang dilakukan termasuk pembinaan bangunan, perumahan, kerja-kerja infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan pemasangan paip air serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta pembinaan rumah, bangunan pejabat, kedai dan lebuh raya. GPQ juga menjalankan operasi kuari di atas sebidang tanah seluas 36.437 ekar sebagai asas kuari di Kampung Sungai Serai, Bukit Payong, Terengganu. Produk dari kuari ini digunakan untuk projek pembinaan yang dikendalikan oleh GPQ dan juga dijual kepada pihak luar.

4.1.3. Lembaga Pengarah GPQ dianggotai oleh 4 ahli yang terdiri daripada Dato' Basir bin Ismail, Pegawai Pembangunan Kuala Nerus sebagai pengerusi, Encik Anuwar bin Mohd, Encik Zulkifli bin Taib dan Ketua Pegawai Eksekutif TISB. Pengurusan GPQ diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 43 kakitangan tetap, 23 kakitangan kontrak dan 5 kakitangan sementara.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan GPQ adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dijalankan dengan ekonomi dan berkesan, serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur dan selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat GPQ bagi tahun 2013 hingga bulan Jun tahun 2016. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti GPQ. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai

berkenaan serta pemeriksaan fizikal turut dilakukan termasuklah lawatan ke tapak projek pembangunan. *Exit Conference* bersama Pengurus Operasi GPQ telah diadakan pada 21 Jun 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Tadbir TISB.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan GPQ bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah baik kerana berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut antara RM1.77 juta hingga RM2.95 juta. Kedudukan keuntungan terkumpul GPQ sehingga akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM22.83 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.92 juta berbanding keuntungan terkumpul pada tahun 2014 yang berjumlah RM20.91 juta. Manakala, pengurusan aktiviti GPQ adalah memuaskan di mana 4 daripada 7 projek pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pengeluaran bahan kuari mampu menampung permintaan berdasarkan purata pengeluaran dan penjualan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan tadbir urus GPQ seperti Strategi Dan Rancangan Korporat tidak disediakan, *Integrity Pact* tidak dilaksanakan dan pengurusan kewangan yang kurang memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dijelaskan dalam perenggan berikut:

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan GPQ, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. GPQ memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.56 juta pada tahun 2013. Keuntungan tersebut menurun sejumlah RM0.79 juta (30.9%) kepada RM1.77 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Manakala bagi tahun 2015, terdapat peningkatan sejumlah RM1.18 juta (40%) menjadi RM2.95 juta berbanding tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan pendapatan yang diiktiraf berdasarkan penilaian kontrak pembinaan mengikut kadar penyiapan projek yang meningkat sejumlah RM22.57 juta. Keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM22.83 juta.
- b. Pendapatan syarikat terbahagi kepada 2 komponen iaitu pendapatan kendalian dan lain-lain pendapatan kendalian. Pendapatan kendalian meliputi 2 jenis pendapatan utama iaitu pengurusan projek dan jualan bahan kuari. Manakala, lain-lain pendapatan operasi yang memberi kesan yang signifikan terhadap turun naik pendapatan adalah terdiri daripada dividen diterima daripada syarikat subsidiari, hasil sewaan, faedah simpanan tetap serta lain-lain pendapatan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, pendapatan telah meningkat setiap tahun iaitu daripada RM23.97 juta

pada tahun 2013 kepada RM48.23 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini didorong oleh pendapatan yang diambil kira daripada Projek Tebatan Banjir, Projek Jalan Teluk Kalong dan Projek Kedai Pejabat UDA Kemaman.


- c. Perbelanjaan syarikat pula terdiri daripada kos projek, kos jualan, kos pentadbiran, belanja susutnilai dan lain-lain perbelanjaan kendalian. Kos pentadbiran terdiri daripada belanja pentadbiran Ibu Pejabat dan belanja pentadbiran kuari. Pada tahun 2015, jumlah perbelanjaan meningkat sejumlah RM21.21 juta (88.1%) kepada RM45.28 juta berbanding RM24.07 juta pada tahun 2014. Peningkatan perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan kos pembinaan projek. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 53.3% hingga 75.6% perbelanjaan adalah bagi kos projek manakala sebanyak 14.8% hingga 31.5% adalah bagi kos jualan. Selain itu, sebanyak 3.3% hingga 8.2% perbelanjaan diperuntukkan untuk kos kakitangan/kewangan di Ibu Pejabat dan operasi kuari.
- d. Ringkasan kedudukan kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1** serta **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Kedudukan Penyata Pendapatan Komprehensif GPQ
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Butiran	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Pendapatan	23,451,030	24,315,923	47,704,186
Lain-lain Pendapatan	520,358	1,521,962	523,081
Jumlah Pendapatan	23,971,388	25,837,885	48,227,267
Perbelanjaan	21,411,999	24,069,362	45,279,024
Keuntungan Sebelum Cukai	2,559,389	1,768,523	2,948,243
Cukai/Lebih Cukai	560,843	407,313	622,520
Keuntungan Selepas Cukai	1,998,546	1,361,210	2,325,723
Pelarasan	832,306	-459,169	0
Dividen	-344,377	-344,377	-408,363
Keuntungan Terkumpul	20,354,717	20,912,381	22,829,741


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit GPQ Sdn. Bhd.

Carta 4.2
Trend Untung Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul GPQ Bagi Tahun
Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit GPQ Sdn. Bhd.

Carta 4.1
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan GPQ
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan bagi tempoh 3 tahun telah dibuat terhadap penyata kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015 untuk menilai tahap risiko, kekukuhan dan kecairan kewangan, nilai tambah keuntungan dan pulangan yang diperoleh oleh GPQ. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan GPQ Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2013	2014	2015
1.	Nisbah Semasa	2.35:1	2.40:1	1.63:1
2.	Margin Untung Bersih	4.9%	5.6%	4.9%
3.	Nisbah Pulangan Atas Aset	0.03:1	0.03:1	0.04:1
4.	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.05:1	0.05:1	0.08:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit GPQ

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa GPQ bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah 2.35:1, 2.40:1 dan 1.63:1. Ini menunjukkan tahap kecairan menurun pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, kemampuan aset semasa GPQ ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek berada di tahap memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin ini digunakan untuk mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil, ia memberi nilai tambah kepada peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati GPQ mencatatkan margin untung bersih antara 4.9% hingga 5.7% bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berdasarkan kepada analisis, tahap kecekapan operasi GPQ adalah memuaskan kerana telah mencatatkan keuntungan untuk 3 tahun berturut-turut.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah pulangan atas aset bertujuan mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas aset bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah semakin baik iaitu antara 0.03:1 hingga 0.04:1, iaitu GPQ memperoleh pulangan sejumlah 3 sen hingga 4 sen bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah pulangan atas ekuiti syarikat bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas ekuiti GPQ adalah memuaskan iaitu antara 0.05:1 hingga 0.08:1, iaitu setiap ringgit yang dilaburkan atas ekuiti telah memberi pulangan antara 5 sen hingga 8 sen bagi tahun 2013 hingga 2015.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah baik kerana berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut antara RM1.77 juta hingga RM2.95 juta. Kedudukan keuntungan terkumpul GPQ sehingga akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM22.83 juta.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama GPQ terdiri daripada projek pembinaan dan operasi kuari dengan memberi tumpuan kepada pembinaan rumah kediaman, rumah kedai, rumah teres, kedai pejabat dan pembangunan komersial. Semakan Audit terhadap aktiviti GPQ mendapati perkara seperti berikut:

4.4.2.1. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan

- a. Pelaksanaan sesebuah projek hendaklah dirancang dan dipantau dengan teliti bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 7 projek pembangunan yang dilaksanakan oleh GPQ bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 mendapati 3 projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh kontrak asal, satu projek siap dengan lanjutan masa (EOT) selama 90 hari manakala 3 lagi projek masih dalam pembinaan. Bagaimanapun, prestasi bagi 3 projek dalam pembinaan menunjukkan kerja-kerja projek telah mengalami sedikit kelewatan berbanding dengan jadual. Prestasi kerja-kerja projek bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Jadual 4.3
Ringkasan Kerja-Kerja Projek Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Nama Projek	Pemilik	Tempoh Projek	Nilai Projek (RM Juta)	Kemajuan Projek
1.	Kerja-kerja Membina 28 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Di Kg.Banggol Peradong (Fasa 1C)	Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu (KOPERAT)	08.05.2013 Hingga 07.05.2014	2.89	Siap
2.	Kerja-kerja Membina 28 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat (Fasa 1B)	KOPERAT	14.1.2014 Hingga 13.4.2015	4.05	Siap
3.	Kerja-kerja Membina 3 Blok Kedai Pejabat Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	23.1.2014 Hingga 22.7.2015	17.00	Siap (EOT selama 90 hari)
4.	Kerja-kerja Membina Jalan Di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman	Kerajaan Negeri Terengganu	11.05.2015 Hingga 10.05.2016	15.36	Siap (Penyerahan telah dibuat pada 02.05.2016)
5.	Kerja-kerja Membina Projek Tebatan Banjir Bagi Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring/Batu Rakit (Fasa 1) Kuala Terengganu	Kerajaan Negeri Terengganu	15.3.2015 Hingga 13.3.2018	87.00	<u>Dalam Pembinaan</u> <u>Kerja Sebenar</u> 19.8% <u>Jadual</u> 28.9%
6.	Membina Dan Menyiapkan 3 Blok Kedai Pejabat Di Cukai, Terengganu	UDA Land	08.06.2015 Hingga 07.12.2016	36.02	<u>Dalam Pembinaan</u> <u>Kerja Sebenar</u> 33.1% <u>Jadual</u> 51.6%
7.	Kerja-kerja Membina Rumah Berkembar 1 Tingkat di Kampung Banggol Peradong, Kuala Terengganu	KOPERAT	01.09.2015 Hingga 30.11.2016	4.50	<u>Dalam Pembinaan</u> <u>Kerja Sebenar</u> 49.5% <u>Jadual</u> 55.7%

Sumber: Fail Projek

Gambar 4.1
Projek Tebatan Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Tadahan Sungai Tok Jiring/
Batu Rakit (Fasa 1)
Tarikh: 13 Jun 2016

Gambar 4.2
Kerja-kerja Membina Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol Peradong, K. Terengganu
Tarikh: 13 Jun 2016

Gambar 4.3
Kerja-kerja Menyiapkan Bangunan
Kedai Pejabat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Cukai, Terengganu
Tarikh: 2 Mei 2016

Gambar 4.4
Bangunan Kedai Pejabat
Yang Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu
Tarikh: 13 Jun 2016

- b. Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, prestasi projek pembangunan tidak mengikut jadual bagi Projek Tebatan Banjir di Tok Jiring/ Batu Rakit berpunca daripada proses pengambilan balik tanah (*Land Acquisition*) setempat belum selesai yang melibatkan 237 lot tanah milik persendirian. Kerja pembinaan hanya dapat dilakukan terhadap kepada 40% daripada keseluruhan keluasan projek. Manakala, kelewatan menyiapkan 3 Blok Kedai Pejabat di Cukai, Terengganu disebabkan terdapat banyak '*existing piping*' rumah penduduk kampung dan jalan keluar masuk penduduk kampung. Manakala kelewatan menyiapkan rumah berkembar di Banggol Peradong disebabkan pindaan rekabentuk yang melibatkan kerja-kerja pemasangan kekuda dan atap. Bagaimanapun, kemajuan terkini projek perumahan ini telah menunjukkan peningkatan dan pihak GPQ berkeyakinan projek ini akan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.4.2.2. Pengeluaran Bahan Kuari Memenuhi Permintaan

- a. Operasi pengeluaran bahan kuari dilaksanakan di atas lot HS(D) 1896 Kuala Terengganu seluas 36.437 ekar yang terletak di Mukim Bukit Payong. Tanah ini adalah tanah pajakan Kerajaan Negeri yang dipajak sehingga 21 April 2038. Bahan kuari yang dikeluarkan adalah dari jenis *crusher run*, *aggregate ¾"*, *aggregate ¾/8"* (*chipping*) dan *quarry dust*. Bagi tahun 2013 dan 2014, loji pengeluaran kuari masih kepunyaan BP Lim Sdn. Bhd. (BPL) dan kerja-kerja pengeluaran bahan-bahan kuari dilakukan sendiri oleh BPL dengan memeteraikan perjanjian dengan GPQ untuk memastikan loji mempunyai keupayaan pengeluaran minimum sebanyak 40,000 metrik tan (m/t) sebulan. Pada tahun 2015, GPQ telah membeli loji tersebut dengan kos sejumlah RM3.80 juta dan melantik Wong Liang Trading (WLT) untuk melaksanakan kerja-kerja pengeluaran bahan kuari. Mengikut perjanjian antara GPQ dan WLT yang dimeteraikan pada 1 April 2015, syarikat WLT perlu memastikan loji mempunyai keupayaan pengeluaran minimum sebanyak 52,000 metrik tan (m/t) sebulan. Loji pengeluaran bahan kuari adalah seperti di **Gambar 4.5**.



Gambar 4.5
Loji Pengeluaran Bahan Kuari

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari GPQ Sdn. Bhd., Kg. Sungai Serai,
Bukit Payong, Terengganu.
Tarikh: 26 Mei 2016

- b. Semakan Audit mendapati dalam tempoh perjanjian dengan BPL selama 27 bulan (1 Januari 2013 hingga 31 Mac 2015), loji telah beroperasi selama 26 bulan dan satu bulan (Oktober 2013) loji tidak beroperasi kerana dimaklumkan mengalami kerosakan. Berdasarkan rekod pengeluaran yang disediakan oleh syarikat BPL, pengeluaran bahan kuari melebihi pengeluaran minimum pada bulan Januari 2013 dan Januari 2014 iaitu masing-masing sebanyak 45,211.33 m/t dan sebanyak 40,042.38 m/t. Manakala jumlah pengeluaran bahan kuari bagi 24 bulan lagi adalah di bawah paras pengeluaran minimum iaitu antara 8,393.99 m/t hingga 39,364.68 m/t sebulan. Sementara itu, pengeluaran produk kuari yang dikeluarkan oleh WLT mulai bulan April 2015 sehingga Disember 2015 adalah di bawah paras pengeluaran minimum iaitu antara 10,858.58 m/t hingga 38,416.43 m/t sebulan.

- c. Analisis Audit menunjukkan bagi tahun 2013 hingga 2015, purata pengeluaran bahan kuari adalah sebanyak 29,550.12 m/t sebulan. Purata pengeluaran bahan kuari pada tahun 2013 iaitu sebanyak 26,643.15 m/t sebulan adalah di bawah paras purata pengeluaran. Bagaimanapun, pada tahun 2014 dan 2015 telah menunjukkan peningkatan iaitu masing-masing sebanyak 30,438.26 m/t dan 31,568.93 m/t sebulan. Semakan Audit terhadap rekod jualan menunjukkan purata penjualan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah sebanyak 29,322 m/t sebulan. Analisis Audit menunjukkan purata pengeluaran bahan kuari dapat menampung jumlah permintaan bagi tempoh tersebut. Perbandingan pengeluaran dan penjualan adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Perbandingan Pengeluaran Dan Penjualan Bahan Kuari

Bulan	Tahun					
	2013		2014		2015	
	Pengeluaran (m/t)	Penjualan (m/t)	Pengeluaran (m/t)	Penjualan (m/t)	Pengeluaran (m/t)	Penjualan (m/t)
Baki Awal	66,758		60,969		91,035	
Januari	45,211	35,866	40,042	22,631	10,859	27,384
Februari	31,234	21,691	26,348	23,944	19,488	17,315
Mac	33,098	34,603	28,556	27,370	37,253	38,960
April	24,076	33,544	24,833	27,669	38,416	33,689
Mei	37,269	28,653	30,245	24,326	31,315	36,043
Jun	36,461	30,475	26,369	24,312	36,102	36,102
Julai	33,635	28,860	24,535	15,958	30,061	27,476
Ogos	18,560	24,025	25,094	23,504	37,945	39,304
September	8,394	27,197	33,679	29,043	35,702	36,928
Oktober	0	17,275	36,309	36,251	32,493	32,447
November	12,416	16,069	35,395	40,393	38,085	38,131
Disember	39,365	27,250	33,853	39,791	31,108	31,108
Jumlah Dalam Tahun	319,719	325,508	365,258	335,192	378,827	394,887
Purata	26,643	27,125	30,438	27,933	31,569	32,907

Sumber: Rekod Pengeluaran Dan Penjualan Kuari

Nota: m/t – metrik tan


- d. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga 2015, penjualan bahan kuari meningkat pada setiap tahun iaitu daripada 325,508 m/t pada tahun 2013 kepada 394,887 m/t pada tahun 2015. Sehubungan itu, pendapatan hasil bahan kuari turut meningkat setiap tahun daripada RM6.78 juta pada tahun 2013 kepada RM9.64 juta pada tahun 2015. Maklumat penjualan dan hasil pendapatan bahan kuari bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.5** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.5
Rekod Penjualan Bahan Kuari

Bulan	Tahun					
	2013		2014		2015	
	Penjualan (m/t)	Pendapatan (RM Juta)	Penjualan (m/t)	Pendapatan (RM Juta)	Penjualan (m/t)	Pendapatan (RM Juta)
Januari	35,866	6.78	22,631	8.83	27,384	9.64
Februari	21,691		23,944		17,315	
Mac	34,603		27,370		38,960	
April	33,544		27,669		33,689	
Mei	28,653		24,326		36,043	
Jun	30,475		24,312		36,102	
Julai	28,860		15,958		27,476	
Ogos	24,025		23,504		39,304	
September	27,197		29,043		36,928	
Oktober	17,275		36,251		32,447	
November	16,069		40,393		38,131	
Disember	27,250		39,791		31,108	
Jumlah	325,508	6.78	335,192	8.83	394,887	9.64

Sumber: Rekod Pengeluaran Dan Penyata Kewangan
Nota: m/t – metrik tan

Carta 4.3
Trend Jualan Bulanan Bahan Kuari



Sumber: Rekod Pengeluaran Dan Penyata Kewangan

- e. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, pihak GPQ sentiasa memantau pengeluaran bahan kuari agar seimbang dengan permintaan semasa bagi mengelak masalah penyimpanan yang terhad. Pihak GPQ juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap jualan bahan kuari.**

4.4.2.3. Kadar Harga Yang Kompetitif Berbanding Pesaing

- a. Loji pengeluaran GPQ terletak di Kampung Sungai Serai, Daerah Marang iaitu bersempadanan antara daerah Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Faktor lokasi yang agak strategik ini membolehkan GPQ memasarkan bahan kuari ke daerah Marang, Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Pihak Audit telah membuat kajian pasaran terhadap harga yang ditawarkan oleh 2 syarikat kuari masing-masing satu di daerah Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Pihak Audit mendapati harga yang ditawarkan oleh GPQ adalah lebih rendah berbanding 2 syarikat tersebut bagi setiap jenis bahan kuari seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Perbandingan Kadar Harga Bahan Kuari

Bahan Kuari	GPQ	Syarikat A	Syarikat B
	Daerah Marang (RM)	Kuala Terengganu (RM)	Hulu Terengganu (RM)
<i>Crusher Run</i>	15.00	17.00	15.00
<i>Aggregate $\frac{3}{4}$</i>	21.00	25.00	24.00
<i>Aggregate $\frac{3}{8}$</i>	21.00	25.00	22.00
<i>Quarry Dust</i>	18.00	24.00	21.00

Sumber: Rekod Harga Bahan Kuari

- b. Faktor jarak dan pengangkutan saling berkait rapat dalam menentukan harga dan pemasaran. Kedudukan lokasi loji yang berdekatan dengan 3 buah syarikat pengeluaran *premix*, menjadikan ianya pilihan utama dan pelanggan tetap kepada syarikat bagi mendapatkan stok bahan kuari. Selain itu, pihak pengurusan loji turut membuat susulan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan kerja-kerja projek pembangunan bagi memastikan permintaan dan bekalan bahan kuari dapat dipasarkan berdasarkan keperluan pelanggan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti GPQ adalah memuaskan di mana 4 daripada 7 projek telah dapat disiapkan manakala pengeluaran bahan kuari dapat menampung permintaan walaupun tidak mencapai pengeluaran minimum.

4.4.3. Pengurusan Kewangan Dan Tadbir Urus Korporat

Kod tadbir urus korporat telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007. Beberapa elemen penting ditekankan seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan

sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat GPQ mendapati perkara berikut:

4.4.3.1. Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli lembaga pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurang 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati GPQ tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat lembaga pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Pihak Audit dimaklumkan bahawa mesyuarat yang diadakan adalah mengikut keperluan dan kepentingan perkara yang hendak dibincangkan. Hasil semakan Audit mendapati mesyuarat lembaga pengarah hanya 2 kali diadakan pada tahun 2013 dan 2015 manakala 3 kali pada tahun 2014. Selain diadakan mesyuarat lembaga pengarah, GPQ juga mengadakan mesyuarat khas lembaga pengarah bagi membincangkan agenda-agenda tertentu yang kekerapannya sebanyak 7 kali pada tahun 2013, 9 kali pada tahun 2014 dan 4 kali pada tahun 2015. Setakat bulan Jun 2016, mesyuarat khas lembaga pengarah telah diadakan sebanyak 2 kali. Kehadiran ahli lembaga pengarah di mesyuarat khas telah dibuat bayaran elaun kehadiran bersamaan kadar menghadiri mesyuarat lembaga pengarah. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, pembayaran elaun mesyuarat lembaga pengarah diterima pakai untuk bayaran kepada elaun mesyuarat khas lembaga pengarah.**

4.4.3.2. Strategi Dan Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategik pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Strategi dan rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat dan lembaga pengarah syarikat induk. Semakan Audit mendapati GPQ tidak menyediakan rancangan korporat berkaitan strategi GPQ. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan membentangkan strategi dan rancangan korporat untuk kelulusan lembaga pengarah sebelum 31 Disember 2016.**

4.4.3.3. Standard Operating Procedures

Standard Operating Procedures (SOP) disediakan untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Semakan Audit mendapati GPQ belum mempunyai polisi dan prosedur khusus terhadap peraturan pentadbiran dan kewangan.

Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan menyediakan SOP sebelum 31 Mac 2017.

4.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksanakan pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati GPQ tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Bagaimanapun pihak GPQ boleh menggunakan khidmat Unit Audit Dalam TISB bagi merancang, melaksana serta menyediakan laporan pengauditan dan semua isu Audit dibincang di peringkat Jawatankuasa Audit TISB. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 didapati tidak ada aktiviti pengauditan dilakukan oleh Unit Audit Dalam TISB. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, kertas cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit untuk kelulusan kepada lembaga pengarah akan disediakan sebelum 31 Disember 2016.**

4.4.3.5. Pelantikan Juruaudit

Mengikut amalan terbaik, pelantikan Juruaudit perlu ditukar bagi setiap 5 tahun. Jawatankuasa Audit berperanan bagi mengkaji prestasi audit luar dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula dan yuran tahunan firma berkeajaan. Semakan Audit mendapati GPQ telah melantik Tetuan Hanafiah, Raslan & Mohamad sebagai Juruaudit GPQ bagi menjalankan pengauditan ke atas penyata kewangan sejak pada 15 Jun 1985 iaitu selama 31 tahun. Pelantikan semula juruaudit telah dibuat dalam Mesyuarat Agong Tahunan Kali Ke-35 pada 30 Jun 2015. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ bersetuju untuk mengekalkan firma audit sedia ada.**

4.4.3.6. Pembayaran Dividen

- a. Dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan berkeajaan dan cadangan pembayaran dividen perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati GPQ mengamalkan polisi bayaran dividen dibuat secara tunai kepada pemegang saham. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015,

keuntungan yang diperoleh pada tahun berkenaan diagihkan sebagai dividen kepada pemegang saham adalah masing-masing sejumlah RM344,377, RM408,363 dan RM697,717. Analisis Audit mendapati nisbah pembayaran dividen meningkat setiap tahun iaitu daripada 17% pada tahun 2013 kepada 30% pada tahun 2015. Bagaimanapun bayaran dividen kepada 15 daripada 27 pemegang saham minoriti berjumlah RM19,004 tidak berjaya dilakukan kerana mereka gagal dikesan. Maklumat pembayaran dividen bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Pembayaran Dividen

Tahun	2013	2014	2015
Keuntungan Selepas Cukai	1,998,546	1,361,210	2,325,723
Dividen Dibayar	344,377	408,363	697,717
Nisbah Pembayaran Dividen	17%	30%	30%

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit GPQ Sdn. Bhd.

- b. **Mengikut maklum balas daripada GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan mengambil tindakan untuk mengesan penerima dividen yang tidak aktif dan mewartakannya sebelum dipindahkan mengikut Akta Wang Tak Dituntut.**

4.4.3.7. Key Performance Indicator (KPI)

Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan dan KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehinggalah Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati GPQ tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasinya bagi tempoh pengauditan. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan menyediakan KPI sebelum 31 Mac 2017.**

4.4.3.8. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) Dan *Integrity Pact*

Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat Korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk Syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga

Kerajaan. *Integrity Pact* pula ialah ikrar di antara pegawai syarikat dan pembida yang terlibat dengan urusan perolehan untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Semakan Audit mendapati GPQ tidak menyediakan *Integrity Pact* dalam urusan sebut harga/tender yang dilaksanakan. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan menyediakan *Integrity Pact* selewat-lewatnya 31 Oktober 2016.**

4.4.3.9. Pengurusan Kewangan

- a. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan mendapati beberapa kelemahan berkaitan pengurusan terimaan, pembayaran dan aset antaranya seperti berikut:
 - i. Tidak ada pengasingan tugas bagi prosedur penerimaan.
 - ii. Baucar bayaran tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan yang lengkap.
 - iii. Kelemahan dalam pengurusan aset antaranya dari aspek pendaftaran, pelabelan, pembaikan dan penyelenggaraan rekod.
 - iv. Buku log kenderaan tidak diselenggarakan dan semua kenderaan tidak dilekatkan dengan logo syarikat.
- b. **Menurut maklum balas GPQ bertarikh 31 Julai 2016, GPQ akan menyediakan satu garis panduan kewangan yang menyeluruh agar pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat dapat dipertingkatkan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat kurang memuaskan di mana strategi dan rancangan korporat tidak disediakan, *standard operating procedures* yang disediakan tidak menyeluruh dan kelemahan dalam pengurusan kewangan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan GPQ, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

4.5.1. GPQ hendaklah memperkasakan aktiviti pemasaran bagi mempromosikan produk kuari dan pengeluaran mengikut keupayaan kuari 52,000 metrik tan sebulan bagi meningkatkan penjualan kuari dan keuntungan.

4.5.2. GPQ hendaklah mengamalkan tadbir urus korporat yang selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia serta memastikan kawalan dalaman yang lebih berkesan dalam pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

25 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA